


**KESANTUNAN AKHLAK DALAM NOVEL  
*SALJU SAKINAH* KARYA ZAID AKHTAR :  
SATU PENGAPLIKASIAN TEORI  
TAKMILAH**

**NOR SYAZWANA BINTI AZRULNIZAM**

- **IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FYP FTKW

**KESANTUNAN AKHLAK DALAM NOVEL *SALJU*  
*SAKINAH* KARYA ZAID AKHTAR: SATU  
PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH**

**NOR SYAZWANA BINTI AZRULNIZAM**

**C20A1182**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda Pengajian  
Warisan dengan kepujian**

**(Kesusasteraan Warisan)**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |  |
|-------------------------------------|---------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh.....sehingga.....       |         |  |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

*SYAZWANA*

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

NOR SYAZWANA BINTI AZRULNIZAM

C20A1182

Tarikh: 10 / 02 / 2023

DR. NORDIANA BINTI AB JABAR

Tarikh: 10/02/2023

## PENGHARGAAN

Assalaamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyiapkan projek penyelidikan ini. Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, saya banyak mendapat kerjasama dan sokongan yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang terlibat.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang berkenaan, baik secara langsung maupun tidak langsung dalam membantu menyempurnakan projek ini. Terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan iaitu Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Appandi dan Dr. Nordiana Binti Ab Jabar serta penilai bagi projek penyelidikan Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi dan Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang begitu bersungguh-sungguh membantu dan memudahkan urusan serta tidak berputus asa memberikan sokongan yang padu dalam menyiapkan projek penyelidikan. Segala jasa, bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan oleh pensyarah akan saya ingat dan terapkan dalam kehidupan sebagai pengajaran.

Sehubungan dengan itu, penulisan ini tidak mampu di siapkan dengan sempurna jika tidak mendapat sokongan dan dorongan daripada keluarga yang terdekat. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang tersayang kerana selalu mendoakan kejayaan saya dan memberi kata-kata pembakar semangat untuk saya semasa mengharungi liku-liku perjalanan sepanjang saya berada di sini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada kawan-kawan dalam membantu menyelesaikan penulisan ini dengan baik. Jasa kalian semua akan diingati dan terpahat dalam sanubari.

Sekian, terima kasih.

Nor Syazwana Binti Azrulnizam

10 Februari 2024

29 Rejab 1445 H

## KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	i
PENGHARAGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii-vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1-6
1.3 Permasalahan Kajian	6-7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9-11
1.7 Kepentingan Kajian	12-14
1.8 Penutup	15
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	16
2.1 Kajian Lepas Berkaitan Kesantunan Akhlak	17-23
2.2 Kajian Lepas Berkaitan Novel	24-29
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Teori Takmilah	29-35
2.4 Penutup	35
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	36
3.1 Reka Bentuk Kajian	37

3.2 Cara Pengumpulan Data	37
3.2.1 Kaedah Perpustakaan	38
3.2.2 Kaedah Analisis Teks	39
3.2.3 Kaedah Laman Sesawang	39
3.2.4 Bahan-Bahan Akademik Dan Ilmiah	40
3.2.5 Analisis Data	41
3.3 Kaedah Penerapan Teorikal	42
3.3.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal	43
3.3.2 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	43
3.3.3 Prinsip Islam Yang Bersifat Akmal	44
3.3.4 Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat Takamul	44
3.3.5 Prinsip Sastera Yang Berciri Estetik Dan Bersifat Takmilah	45
3.3.6 Prinsip Yang Menekankan Pengkarya Seharusnya Mengistimalkan Diri	46
3.3.7 Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil	46
3.4 Pemilihan Prinsip Dalam Teori Takmilah	47
3.4.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal	47
3.4.2 Prinsip Islam Yang Bersifat Akmal	48
3.4.3 Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil	50
3.5 Kerangka Teori	52
3.6 Penutup	53
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	54
4.1 Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak Dalam Novel Salju Sakinah Menggunakan Teori Takmilah	54

4.1.1 Sabar	54
4.1.2 Amanah	57
4.1.3 Bersyukur	61
4.1.4 Jujur	63
4.1.5 Kasih Sayang	65
4.2 Kesan-Kesan Kesantunan Akhlak Menggunakan Teori Takmilah	
4.2.1 Individu	
4.2.1.1 Meningkatkan Keimanan Seseorang Kepada Allah	68
4.2.1.2 Melahirkan Individu Yang Bermoral	70
4.2.2 Keluarga	
4.2.2.1 Membantu Pembentukan Tingkah Laku Positif	73
Kepada Anak-Anak	
4.2.3 Masyarakat	
4.2.3.1 Menggeratkan Silaturahim Sesama Insan	75
4.2.4 Negara	
4.2.4.1 Menjamin Generasi Dan Kepimpinan Negara	77
4.3 Penutup	80
BAB 5: PENUTUP	
5.0 Pengenalan	81
5.1 Rumusan Kajian	81
5.2 Cadangan	84
5.2.1 Individu	84
5.2.2 Masyarakat	86
5.2.3 Negara	88

5.3 Penutup	89
<b>RUJUKAN</b>	90



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## KESANTUNAN AKHLAK DALAM NOVEL SALJU SAKINAH KARYA ZAID AKHTAR: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH

### ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu usaha bagi memperluaskan lagi kesantunan akhlak yang berfokus kepada karya sastera berbentuk novel. Kajian ini mengenai kesantunan akhlak dalam novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar: Satu Pengaplikasian Teori Takmilah. Kajian ini tertumpu kepada dua objektif iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* menggunakan Teori Takmilah dan menganalisis kesan-kesan kesantunan akhlak akhlak menggunakan Teori Takmilah. Pengaplikasian Teori Takmilah telah digunakan pada kedua-dua bahagian objektif sebagai sokongan hujahan bagi analisis ini. Selain itu, kajian ini juga telah menggunakan pendekatan kualitatif yang telah dibahagikan kepada dua iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah tekstual agar intipati yang diperolehi adalah benar. Hasil dapatan mendapati bahawa pada bahagian bentuk-bentuk kesantunan akhlak adalah seperti sabar, bersyukur, amanah, jujur dan kasih sayang manakala pada bahagian kesan-kesan kesantunan akhlak adalah dapat meningkatkan keimanan seseorang kepada Allah, melahirkan individu yang bermoral, membantu pembentukan tingkah laku positif kepada anak-anak, mengeratkan silaturahim dan akhir sekali menjamin generasi dan kepimpinan negara. Hasil kajian telah memberi bukti bahawa kajian terhadap novel ini mampu mendidik akhlak masyarakat ke arah insan yang baik dari segala aspek.

**Kata kunci dan frasa:** Kesantunan Akhlak, Novel, Teori Takmilah

## MORAL POLITENESS IN THE NOVEL *SALJU SAKINAH* BY ZAID AKHTAR: AN APPLICATION OF TAKMILAH THEORY

### ABSTRACT

This research is an effort to further expand moral decency that focuses on literary works in the form of novels. This study is about moral decency in Zaid Akhtar's novel *Salju Sakinah: An Application of Takmilah Theory*. This study is focused on two objectives, which is to identify the forms of moral decency through the novel *Salju Sakinah* using Takmilah Theory and to analyze the effects of moral decency using Takmilah Theory. The application of Takmilah's Theory has been used on both sides of the objective to support the argument for this analysis. This study uses a qualitative approach that is divided into library and text methods so that the gist obtained is true. The results found that the forms of moral decency are such as patience, gratitude, trust, honesty, and love, while the effects of moral decency can increase a person's faith in God, give birth to moral individuals, help the formation of positive behavior to the children, strengthening friendships and finally guaranteeing the generation and leadership of the country. The results of the study have given evidence that the study of this novel is capable of educating the morals of society towards good people from all aspects.

**Key words and Phrases:** Morality, Novels, Takmilah Theory

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini hanya memperkenalkan pengenalan terhadap novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar. Selain itu, pengkaji juga hanya menceritakan rangka novel Salju Sakinah sebagai pengetahuan umum. Dalam bahagian pengenalan ini, pengkaji hanya melihat beberapa objektif yang akan dikaji sahaja. Seterusnya, pengkaji juga akan melihat aspek-aspek yang akan dikaji iaitu dari segi pengenalan tentang maksud teori dan sedikit pengetahuan umum maksud-maksud yang digunakan dalam kajian. Bab ini juga akan melihat latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan bagi keseluruhan bab 1.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Karya sastera merujuk kepada kreativiti yang ada pada seseorang melalui idea, pemikiran dan perasaan yang dimilikinya. Menurut Felta Lafamane (2020:1) menyatakan bahawa karya sastera merupakan salah satu ungkapan perasaan manusia yang bersifat peribadi iaitu pengalaman, pemikiran, perasaan dan idea seseorang penulis. Selain itu, karya ini juga telah dihasilkan daripada imaginasi manusia dan diilhamkan oleh kehidupan manusia itu sendiri. Kenyataan ini telah

disokong oleh Ratna (2005: 312) yang menyatakan bahawa intipati sastera adalah fiksyen atau lebih dikenali sebagai imaginasi. Imaginasi dalam karya sastera berlandaskan realiti dalam kehidupan manusia. Walaupun karya sastera hanya rekaan tetapi ia mampu mempengaruhi emosi, pandangan dan pemikiran manusia terhadap kehidupan. Sehubungan dengan itu, karya sastera ini merupakan ciptaan yang ditulis oleh seorang penulis bagi tujuan menyampaikan idea dan memaparkan pelbagai elemen positif seperti kesantunan budi dan kebaikan akhlak dalam diri manusia.

Konsep kesantunan merupakan nilai-nilai yang menentukan keberhasilan interaksi seseorang ketika mereka bertutur dan pilihan kata yang tidak mengandungi unsur kesantunan dapat menimbulkan salah faham dalam sesuatu pertuturan. Menurut Lakoff (1975:64) menginterpretasikan kesantunan sebagai perlakuan yang mampu mengurangkan persengketaan dalam sesuatu interaksi. Menurut Fraser dan Nolam (1981:96), kesantunan itu berlaku apabila seseorang itu melakukan perbualan dengan penutur dan pendengar dengan menggunakan perkataan yang sopan sebagai usaha untuk mengekalkan komunikasi yang harmoni tanpa menimbulkan sebarang konflik. Oleh itu, jika seseorang menggunakan komunikasi yang baik ia akan memaparkan akhlak yang mulia dalam diri individu tersebut.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 25), akhlak terdiri daripada moral, tingkah laku dan tabiat. Selain itu, menurut Mustafa Daud (1991: 65), mentakrifkan akhlak sebagai gambaran hati yang melahirkan gerak geri tingkah-laku dan tatatertib dalam pergaulan seseorang atau membawa erti tabiat atau perangai. Tambahan pula, Mohd Nasir Omar (1986) menerangkan bahawa akhlak adalah istilah yang dicipta oleh orang Islam dan berasal daripada perkataan Arab iaitu *Khuluq*. Pada pandangan Al-Ghazali (1976), akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan ia akan membentuk satu tingkah perbuatan yang baik tanpa menggunakan pertimbangan pemikiran dan penelitian terlebih dahulu. Oleh itu, pendidikan akhlak sangat penting untuk membendung manusia daripada melakukan perkara yang tidak baik.

Pendidikan akhlak ialah satu proses pendidikan yang bertujuan untuk memupuk konsep moral, akhlak dan keperibadian seseorang individu agar dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan baik dalam menjalani kehidupan seharian. Selain itu, masyarakat sering memaparkan pendidikan akhlak dalam pelbagai medium sama ada dalam media bercetak ataupun media elektronik. Salah satu media cetak adalah melalui karya-karya sastera. Novel *Salju Sakinah* merupakan salah satu bukti yang memaparkan pendidikan akhlak kepada manusia. Novel *Salju Sakinah* ini juga telah ditulis oleh Mohammad Yazid Abdul Majid atau Zaid Akhtar pada tahun 2010. Seterusnya, novel ini telah memaparkan tentang kesopanan akhlak seorang muslimah sejati. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang telah menampilkan sifat sabar yang diperagakan melalui watak wanita di dalam novel ini. Ianya telah menggambarkan watak wanita yang

sentiasa diselubungi dengan kesedihan dan kehilangan orang tersayang. Bukan itu sahaja, novel ini juga banyak memberi pengajaran dan nilai-nilai kebaikan yang boleh dicontohi oleh semua lapisan umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Bagi memahami ciri-ciri Islam tersebut, pelbagai kaedah Islam boleh digunakan untuk mengesan kehadiran ciri-ciri kebaikan.

Teori Takmilah telah dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar dalam bukunya yang telah diterbitkan oleh Dewan Sastera, Kuala Lumpur pada tahun 1996. Selain itu, buku keduanya iaitu *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia dan Singapura* ditulis oleh Mana Sikana yang diterbitkan oleh penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2005. Seterusnya, beliau telah meletakkan pendekatan dan teori ini lebih menjurus kepada sifat sufistik. Dalam konteks pembinaan teori ini, Shafie Abu Bakar mengambil kira pemikiran dan falsafah sastera Islam aliran tradisional yang berpaksikan tauhid dan falsafah serta merentasi segala aspek dan ruang lingkup keilmuan Islam. Teori ini telah merangkumi segala amalan syariat dan nilai akhlak. Di bawah ruang lingkup tauhid terdapat segala aspek keislaman yang menyelaraskan diri dalam menegakkan falsafah tauhid dan akidah. Menurut Shafie Abu Bakar (1996), Takmilah ialah istilah yang berkaitan dengan Kamal Allah SWT yang bermaksud kesempurnaan. Dari akar kata maka terbitlah nama Takmilah yang bermaksud menyempurnakan (Mana Sikana, 2013: 104). Melalui penggunaan Teori Takmilah pengkaji dapat mengesan Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak Dalam Novel *Salju Sakinah*.

Kajian ini dijalankan untuk mengetengahkan bentuk kesantunan akhlak yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah*. Hal ini dikatakan demikian kerana dunia telah mengalami satu gelombang krisis akhlak yang sangat besar. Tambahan pula, pada masa kini terdapat banyak masalah berkaitan kemerosotan akhlak yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Menurut Anis Yusal Yusoff (2021), ianya telah merumuskan bahawa Malaysia sedang mengalami keruntuhan adab dan moral dalam kalangan masyarakatnya sehingga ramai yang hilang malu atau mungkin sudah tidak ada perasaan malu lagi dalam diri mereka. Tambahan pula, Ahmad Zuhdi (2018:4) menegaskan bahawa salah satu kesan akhlak yang buruk adalah jika seseorang individu itu telah menerima budaya dating ini dari negara luar. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan terpengaruh dengan tabiat yang buruk melalui gaya hidup yang diperaktikkan oleh orang Barat. Akhlak sangat memainkan peranan penting dalam membangun sesuatu bangsa. Jika seseorang itu mempunyai akhlak yang baik semestinya ia tidak akan berani melakukan perkara yang tidak baik. Menurut Al-Ghazali, akhlak yang baik terdiri daripada nilai-nilai seperti kesempurnaan iman, amanah, benar, ikhlas dan bertanggungjawab.

Akhir sekali, kajian ini juga dijalankan untuk memberi tumpuan kepada Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak Dalam Novel *Salju Sakinah* Dengan Menggunakan Teori Takmilah. Bukan itu sahaja, malahan kajian ini dimantapkan lagi dengan penerapan Teori Takmilah yang digagaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 yang mana pendekatan ini digunakan untuk Menganalisis Kesantunan Akhlak Dengan Menggunakan Teori Takmilah. Selain daripada itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif untuk melengkapkan kajian

ini. Hasil kajian mendapati bahawa beberapa contoh tindakan wanita dalam karya ini jelas menunjukkan integriti yang bermoral. Oleh itu, kesantunan akhlak dapat dilihat melalui perwatakan, dialog dan tingkah laku watak yang ditunjukkan dalam jalan cerita karya tersebut.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Pernyataan masalah atau problem statement merujuk kepada beberapa perkara yang boleh dibuktikan benar atau salah. Pernyataan masalah boleh merumuskan kepada persoalan kajian yang perlu diselesaikan oleh penyelidik. Pernyataan masalah bukan sahaja harus memberikan penyelesaian tetapi ia juga memberikan kesimpulan untuk menyokong penyelidikan dan menjadikan ia lebih terperinci. Pemilihan masalah kajian perlu relevan dengan bidang kajian dan merupakan sesuatu isu yang diminati pengkaji untuk diterokai (Noraini Idris, 2013). Menurut Gay dan Airasian (2003), suatu masalah kajian itu menjadi tunjang kepada struktur kajian dan proses seterusnya. Sekiranya pengkaji tidak menemui permasalahan kajian maka penyelidikan tidak dapat dilakukan.

Selain itu, mendepani arus kemodenan yang kini semakin canggih dan kehidupan masyarakat juga semakin maju. Keadaan ini menyebabkan ramai golongan remajakini yang terikut akan pengaruh barat dari segala aspek tidak kira sama ada dari segi pertuturan, pemakaian dan juga tingkah laku. Situasi ini amat membimbangkan kerana generasi muda adalah pewaris negara. Kenyataan ini disokong oleh Zaitul Azma et. al. (2011) menurutnya, zam kini, sikap pelajar sekolah kurang penerapan nilai kesantunan dari segi percakapan iaitu ketika berkomunikasi dengan ibu bapa maupun guru-guru di sekolah. Melalui

kenyataan tersebut dapat kita perhatikan bahawa kesantunan akhlak dalam diri masyarakat amnya remaja kini kian menipis dari masa ke masa. Menurut Jumiati (2009), masyarakat pada hari ini tidak mengambil peduli terhadap kesantunan akhlak semasa berkomunikasi antara satu sama lain. Percakapan atau bahasa yang kasar dilontarkan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan perasaan dan hati orang sekeliling. Oleh itu, perkara ini perlu dibendung dan diberi perhatian yang khusus agar masyarakat dapat kembali kepada fitrah yang asal di mana masyarakat Melayu amat tinggi dengan nilai-nilai kesantunan dalam diri. perasaan dan hati orang sekeliling. Oleh itu, perkara ini perlu dibendung dan diberi perhatian yang khusus agar masyarakat dapat kembali kepada fitrah yang asal di manamasyarakat Melayu amat tinggi dengan nilai-nilai kesantunan dalam diri.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.4 Persoalan Kajian

Secara umumnya, persoalan yang cuba dijawab oleh kajian ini diiringi seperti berikut:

1. Apakah bentuk-bentuk kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* menggunakan Teori Takmilah?
2. Apakah kesan-kesan kesantunan akhlak menggunakan Teori Takmilah?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini didasarkan kepada beberapa objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* menggunakan Teori Takmilah.
2. Menganalisis kesan-kesan kesantunan akhlak menggunakan Teori Takmilah.

## 1.6 Skop Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian ini telah dibataskan dengan menerusi tajuk kajian kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dengan mengaplikasikan Teori Takmilah. Pemilihan novel *Salju Sakinah* ini juga disebabkan adanya berkaitan dengan penciptaan novel pada masa sekarang terutamanya yang memfokuskan terhadap penceritaan suasana kekeluargaan, kejiranan, masyarakat dan sebagainya. Dengan gambaran yang dihasilkan oleh pengkarya tersebut maka dapat disimpulkan bahawa kajian ini ianya dapat memberi gambaran yang baharu terhadap golongan pembaca. Pemaparan watak wanita yang tabah dalam mengharungi liku-liku ujian sebagai seorang hamba yang beriman telah menimbulkan kesedaran kepada wanita-wanita yang lain untuk bertindak sedemikian jika adanya yang diuji oleh Allah SWT. Walau bagaimanapun, pengkaji telah meletakkan batasan kajian dengan mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak terutamanya dalam kajian yang didasari oleh novel *Salju Sakinah*. Ianya telah menunjukkan sebagai satu alternatif yang baru terhadap pengkaji kajian ini. Oleh sebab itu, dalam kajian ini akan memfokuskan sepenuhnya terhadap kesantunan akhlak yang akan memberi kepentingan terhadap kajian ini terutamanya yang memfokuskan terhadap penceritaan suasana kekeluargaan, kejiranan, masyarakat dan sebagainya. Dengan gambaran yang dihasilkan oleh pengkarya tersebut maka dapat disimpulkan bahawa kajian ini ianya dapat memberi gambaran yang baharu terhadap golongan pembaca. Pemaparan watak wanita yang tabah dalam mengharungi liku-liku ujian sebagai seorang hamba yang beriman telah menimbulkan kesedaran kepada wanita-wanita yang lain untuk bertindak sedemikian jika adanya yang diuji oleh Allah SWT. Walau bagaimanapun, pengkaji telah

meletakkan batasan kajian dengan mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak terutamanya dalam kajian yang didasari oleh novel *Salju Sakinah*. Ianya telah menunjukkan sebagai satu alternatif yang baru terhadap pengkaji kajian ini. Oleh sebab itu, dalam kajian ini akan memfokuskan sepenuhnya terhadap kesantunan akhlak yang akan memberi kepentingan terhadap kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 untuk menganalisis kesantunan akhlak pada watak utama yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar. Melalui Teori Takmilah Shafie Abu Bakar telah menggariskan tujuh prinsip yang digunakan dalam Teori Takmilah. Antara prinsip yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar ialah yang pertama prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Prinsip yang kedua pula ialah prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Yang ketiga pula ialah prinsip keislaman yang bersifat Akmal. Keempat, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul. Seterusnya, prinsip kelima pula ialah prinsip sastera sendiri berciri estetik dan bersifat Takmilah. Prinsip Yang keenam pula ialah prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistiqomahkan diri serta prinsip yang terakhir adalah prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Namun begitu, pengkaji hanya memfokuskan kepada tiga prinsip sahaja yang terdapat dalam Teori Takmilah. Antaranya prinsip yang ingin diketengahkan oleh pengkaji adalah ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Sehubungan dengan itu, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks, kaedah internet serta Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar (1996). Kaedah ini

akan digunakan sepenuhnya untuk mengumpul dan menganalisis data dengan meneliti maklumat-maklumat yang diperolehi berkaitan kesantunan akhlak. Selain itu, pengkaji juga membuat pengumpulan beberapa bahan dan sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian bagi meneliti serta pembacaan secara kritikal dilakukan ke atas teks.

### 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar mempunyai kepentingan tersendiri. Antara kajian ini ialah dapat menunjukkan aspek kesantunan akhlak pada watak utama. Melalui karya ini juga, Zaid Akhtar telah mendedahkan bahawa akhlak dalam diri seseorang itu perlu dipupuk kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang muslim tersebut. Nilai akhlak merupakan sesuatu nilai yang suci dan menjadi pedoman kepada tingkah laku serta sikap masyarakat ke arah yang lebih baik. Akhlak juga perlu dipupuk bagi melahirkan masyarakat yang berjaya di dunia dan akhirat. Menurut Mustopa (2014:10), akhlak membawa kepada tingkah laku yang dianggap baik jika mentaati ajaran Islam, dan dianggap buruk atau tercela jika melanggarnya. Hal ini kerana akhlak merupakan salah satu asas penting di dalam Islam selain akidah dan iman.

Selain itu, tujuan kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengetahui ketinggian akhlak seseorang. Hal ini kerana ketinggian akhlak akan memberi impak yang positif dalam kehidupan manusia. Umum mengetahui ketahui akhlak yang baik akan dihormati dan disayangi oleh setiap manusia. Bukan sahaja, mereka akan disayangi oleh manusia malah pencipta juga. Sehubungan dengan itu, penampilan

akhlak selalunya merupakan cerminan perwatakan seseorang. Menurut Mohd Khairi Bin Shafie dan Mohamad Khairi Bin Haji Othman (2016), memahami ajaran Islam berkaitan akhlak adalah antara perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana memahaminya boleh meningkatkan keimanan dalam hati dan secara tidak langsung menterjemahkannya ke dalam perbuatan yang kita lakukan setiap hari. Oleh itu, kajian ini penting kerana ia dapat menyedarkan masyarakat untuk sentiasa mengamalkan akhlak baik dalam kehidupan seharian agar dapat menghindari perbuatan yang tidak baik.

Seterusnya, kajian ini juga dapat menjadi wardah kepada pelajar serta pengkaji yang akan datang khususnya dalam bidang pendidikan kesusastraan Melayu. Dapat dilihat juga bahawa kajian ini dapat memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar dan juga dapat menimbulkan kesedaran kepada pelajar bahawa novel *Salju Sakinah* bukan sahaja sesuatu karya yang membosankan malah setiap bab yang terkandung dalam novel ini dapat memberi pengajaran dan teladan kepada individu dan masyarakat. Menurut Ivonne Ruth Vitamaya Oishi Situmeang (2021:76) menegaskan bahawa salah satu pengetahuan akan diperolehi melalui kaedah penyelidikan seperti observasi, eksperimen, klasifikasi dan analisis. Pada asasnya, ilmu ialah usaha untuk menyusun dan meneliti maklumat yang diperolehi daripada pengalaman dan pengamatan yang mereka lakukan setiap hari. Melalui kajian ini, pelajar dapat menambah pengetahuan tentang cara membentuk akhlak yang baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, melalui kajian ini ia akan memberi impak positif kepada imej negara. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan kajian ini telah memaparkan ketinggian akhlak yang terdapat dalam watak menerusi novel *Salju Sakinah*. Sebagai

contoh, apabila rakyat sesebuah negara itu mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian sudah tentu negara akan sentiasa aman kerana ada segelintir masyarakat yang menyeru kepada perkara yang baik dan mencegah perkara yang tidak baik daripada berlaku. Menurut Mat Tuah et. al. (2012) menegaskan bahawa pendidikan Islam merupakan salah satu alat terpenting untuk mencapai pembentukan sahsiah manusia. Ini kerana sistem pendidikan akhlak yang tersusun dapat melahirkan insan berilmu yang dapat mengekalkan jati diri seorang Melayu muslim. Jati diri yang lahir mestilah mempunyai nilai rohani dan akhlak yang kukuh, yang merupakan hasil kesepadan jasmani, roh, emosi dan akal dalam pendidikan Islam. Justeru itu, negara tersebut akan menyerlah di persada dunia dengan barisan rakyatnya yang berketerampilan tinggi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Penutup

Kesimpulannya, dalam kajian ini pengkaji dapat merumuskan bahawa novel Salju Sakinah karya Zaid Akhtar ini sarat dengan nilai-nilai yang baik dan bukti kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana Zaid Akhtar ingin menunjukkan peranan dan fungsi unsur-unsur Islam dalam karya beliau. Novel ini juga telah memperlihatkan unsur-unsur Islam yang akan memberi pengajaran kepada pembaca. Sehubungan dengan itu, ia juga telah mengajak pembaca sentiasa muhasabah, mawaddah dan mahabbah kepada Allah S.W.T dalam setiap langkah. Dengan cara penulis membawa identiti Islam di dalam karya ini akan menjadi saluran ilmu sebagai usaha mencegah amar makruf nahi mungkar. Bukan itu sahaja, penulis karya ini juga telah membawa pengalaman yang dilaluinya bertahun-tahun dalam menimba ilmu di perantauan, demi meraih kejayaan yang diimpikan. Unsur kebenaran dalam novel Salju Sakinah dikuatkan dengan nilai-nilai tauhid dan taklif kepada Allah SWT iaitu tuhan Yang Maha Esa melalui kesungguhan menuntut ilmu dan mengamalkannya dengan perbuatan-perbuatan yang digambarkan oleh penulis beberapa kali dalam novelnya.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini juga membincangkan hal yang berkaitan sorotan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu dengan tujuan untuk mengisi kelomongan kajian pengkaji terdahulu dan agar kajian yang dilakukan tidak sama dengan kajian terdahulu. Selain itu, tinjauan kajian lepas adalah satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan dan perhatian kepada butiran yang terperinci. Ia membabitkan kesimpulan bertulis tentang artikel dalam jurnal, buku, dan dokumen. Tinjauan lepas amat penting kerana ia dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan. Setiap penyelidikan yang mempunyai rujukan bagi setiap pendapat atau kenyataan yang dikemukakan. Ia menunjukkan penyelidikan tersebut merupakan penyelidikan yang berkesan serta mempunyai sumber yang sah.

## 2.1 Kajian Lepas Berkaitan Kesantunan Akhlak

Kajian telah dihasilkan oleh Anggar Sihwati dan Marlina (2020) daripada Jurnal Pendidikan Islam : Al I'tibar yang bertajuk *Nilai-nilai Pendidikan Akhlak Yang Terkandung Pada Novel Dalam Mihrab Cinta (Karya) Habiburrahman El-Shirazy*. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjelaskan bahawa akhlak adalah cerminan kepada kesucian jiwa dan budi pekerti seseorang dan cerminan kefahaman dan pelaksanaan nilai-nilai agama manusia. Oleh itu, pendidikan akhlak sangat penting dalam pembentukan adab dan akhlak anak-anak. Sehubungan dengan itu, novel ini mengandungi nilai-nilai pendidikan akhlak yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu akhlak dengan pencipta dan rasul, akhlak terhadap ibu bapa, dan akhlak kepada diri sendiri serta orang lain. Antaranya akhlak yang diketengahkan adalah sentiasa bersyukur, memuliakan rasul, sabar, bertaubat, ikhlas. Akhlak kepada ibu bapa merangkumi dua perkara iaitu berbudi bahasa kepada ibu bapa dan mentaati perintahnya. Akhlak kepada diri sendiri terdiri daripada lima perkara iaitu rasa ingin tahu intelektual, kejujuran, berdikari, tanggungjawab, dan optimis. Etika bergaul dengan manusia merangkumi lapan perkara iaitu tolong menolong, menepati janji, tawaduk, hormat-menghormati, menyebarkan salam dan bermusyawarah. Kajian ini telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif iaitu kata-kata dan gambar sebagai metod kajian. Kajian ini telah berjaya memberi panduan kepada masyarakat untuk memahami konteks nilai-nilai pendidikan akhlak yang harus diberi perhatian dalam diri manusia.

Sementara itu, menerusi artikel yang telah dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2022) dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini adalah titik tolak kepada banyak kajian sebelumnya yang belum mengkaji secara menyeluruh nilai Islam untuk membentuk etika masyarakat Melayu. Selain itu, pengkaji juga mengkaji elemen nilai Islam yang terdapat dalam kisah rakyat Melayu, yang mempunyai kesan positif dan berkesan terhadap pembentukan akhlak masyarakat terhadap beberapa karya watak Melayu sama ada berbentuk prosa, puisi, metafora, puisi, cerita dan hikayat Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa luahan rasa malu dalam jiwa dan perbuatan dalam pandangan alam Melayu berkait rapat dan sepadu dengan konsep-konsep penting yang tercermin dalam kata kunci akal, ilmu, hati (qolbu), agama, adab dan bahasa. Kajian juga mendapati sifat malu juga berfungsi sebagai mekanisme kawal selia dalam masyarakat Melayu untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam tingkah laku yang tidak baik, sebagai lambang kehidupan yang bersopan dan bermoral, serta maruah dan menghormati diri dan negara. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa masyarakat harus menitikberatkan sifat malu untuk membentuk kerangka akhlak Melayu. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa masyarakat harus menitikberatkan sifat malu untuk membentuk kerangka akhlak Melayu.

Rizal Ilham Ramadhan et.al. (2022) menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan* daripada Jurnal Multidisiplin Ilmu. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengetahui nilai-nilai pendidikan akhlak, pelajaran dan hikmah dalam novel surga yang tak dirindukan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif atau kajian perpustakaan. Kaedah kajian kualitatif ialah kajian berdasarkan falsafah pasca-positivis yang meneliti keadaan semula jadi sesuatu objek (berbanding dengan eksperimen). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai akhlak dalam novel surga yang tak dirindukan ialah akhlak, keikhlasan, kesyukuran, soleh,dan kelembutan. Hikmah adalah renungan dan kesungguhan memanfaatkan ilmu-ilmu dan peristiwa-peristiwa serta mengkaji perhubungan atau perkaitan di dalamnya dan membincangkan asal usul dan tujuannya. Dapat disimpulkan bahawa novel Surga Yang Tak Dirindukan karya Asma Nadia telah mengandungi nilai-nilai pendidikan moral yang dapat memberi pengajaran dan hikmah kepada para pembaca.

Di samping itu, kajian oleh Muhammad Syamsi Harimulyo et.al. (2021) daripada Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Risalatul Mu'awanah Dan kerelevanan*. Melalui kajian ini, pengkaji mempunyai dua objektif iaitu memberi tahu tentang nilai pendidikan akhlak dalam kitab ‘Risalatul Mu’awanah’ dan memahami kaitan kitab ‘Risalatul Mu’awanah’ untuk pendidikan khususnya kepada pelajar pada masa ini. Bagi menghasilkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah literatur. Sehubungan dengan itu, melalui hasil dapatan kajian ini ia menggariskan tentang nilai pendidikan akhlak dalam kitab Risalatul Mu'awanah dan relevansinya. Dalam Kitab

Risalatul Mu'awanah menggariskan nilai pendidikan akhlak yang terbahagi kepada dua perkara iaitu nilai Insaniyah dan nilai Ilahiyah. Di samping itu, penerapan dari aspek nilai didikan akhlak terdapat dalam kitab Risalatul Mu'awanah karya Al-Habib Abdullah Al-Haddad yang dapat dilaksanakan oleh manusia seperti ketaqwaan kepada Allah SWT, mensyariatkan atau redha dengan takdir Allah, meningkatkan keyakinan diri, memperbetulkan niat, memperkayakan masa dengan melakukan pelbagai perkara, akhlak atau ibadah yang berfaedah dalam aktiviti harian, menjaga hati yang ikhlas, sentiasa kembali atau bertaubat kepada Allah S.W.T. Kajian ini telah berjaya memberi kesedaran kepada manusia untuk membangkitkan rasa yakin dalam diri bagi mencapai tingkah laku yang baik melalui nilai-nilai pendidikan akhlak dalam kitab Risalatul Mu'awanah.

Menerusi artikel yang telah dihasilkan oleh Phayilah Yama et.al. (2020) daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang bertajuk *Ikhtilat Menurut Al-Quran dan Kesannya Terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Masa Kini*. Melalui kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan tentang teknik-teknik ikhtilat yang telah digariskan di dalam al-Quran sebagai panduan kehidupan remaja masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa kini remaja tidak akan terlepas daripada masalah gejala sosial seperti pergaulan bebas akibat daripada pengabaian ikhtilat. perkara ini telah membimbangkan para ibu bapa dan masyarakat kerana ia mampu memberi kesan yang negatif terhadap kehidupan anak-anak mereka pada masa hadapan kelak. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul maklumat melalui metode kepustakaan dan dokumentasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam menafsirkan ayat al-Quran mengenai ikhtilat dalam tafsir Ibnu Kathir dan tafsir al-Azhar. Penulis menunjukkan

bahawa kedua-dua ulama meletakkan beberapa garis panduan dalam menjaga hubungan antara mahram dan bukan mahram iaitu pergaulan mestilah menurut syariat Islam. Ini kerana ikhtilat ini merupakan suatu perlakuan yang akan memberi impak yang positif dalam kehidupan jika ia dijaga dengan baik. Kajian ini berjaya menjadikan al-Quran sebagai panduan kepada manusia dalam membentuk akhlak.

Selain itu, kajian ini telah dihasilkan oleh Abdul, M. R et.al. (2020) daripada Jurnal Pendidikan Islam & Budi Pekerti yang bertajuk *Pembentukan Akhlak Dalam Memanusiakan Manusia: Perspektif Buya Hamka*. Artikel ini telah membincangkan perspektif Buya Hamka dalam memanusiakan manusia. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif aitu kepustakaan melalui dokumen dengan pengumpulan data. Berdasarkan hasil pemerhatian Buya Hamka dalam kajian ini akhlak dapat dibentuk. Hal ini kerana, didikan daripada ibu bapa dalam keluarga telah memainkan peranan penting dengan membiasakan anak-anak beramal dan ibu bapa juga perlu menjadi contoh dalam memupuk nilai-nilai tauhid. Sehubungan dengan itu, didikan di sekolah Melayu. Oleh itu, untuk mengukuhkan hujah analitikal, kajian ini menggunakan Teori Takmilah sebagai kajian deduktif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah perpustakaan dan teks. Kajian ini dilakukan kerana ia merupakan titik tolak kepada banyak kajian lepas yang mana aspek nilai Islam masih belum diterokai secara menyeluruh untuk membentuk etika masyarakat Melayu. Selain itu, pengkaji juga mengkaji aspek nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu yang boleh mempengaruhi pembentukan akhlak masyarakat Melayu secara positif dan berkesan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Teori Takmilah sebagai kajian deduktif untuk mengukuhkan hujah analitikal. Dalam kajian ini, kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah

perpustakaan dan teks digunakan. Kajian ini akan memberi pencerahan kepada nilai-nilai Islam iaitu merendah diri, amanah, bersyukur, patuh dan bersahabat dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks daripada 366 Antologi Cerita Rakyat Malaysia. Hasil kajian membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu dijawi nilai-nilai Islam ia boleh menjadi asas atau jawapan kepada masyarakat Melayu untuk membina empayar akhlak yang lengkap dan sempurna. Oleh itu, cerita rakyat Melayu harus dipelihara dan diangkat dengan penuh martabat kerana ia membawa nilai-nilai positif khususnya nilai-nilai Islam dan menjadi medium pembelajaran yang berkesan untuk pembentukan akhlak, budi pekerti dan jati diri dalam masyarakat Melayu.

Artikel yang telah dihasilkan oleh Siti Samihah Mohd Yusoff et.al. (2020) daripada Universiti Sains Islam Malaysia yang bertajuk Pendekatan Nabawi dalam Membentuk Akhlak Islamiyyah Seorang Muslim Terhadap Sesama Makhluk. Melalui kajian ini, pengkaji telah ingin meneroka pendekatan Nabawi dalam membentuk akhlak Islamiyyah seorang muslim terhadap sesama makhluk. Metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis hadis Rasulullah SAW di dalam kitab Sahih Al-Bukhari yang berkaitan dengan akhlak Islamiyyah seorang Muslim terhadap sesama makhluk. Selain itu, kaedah ini juga telah melibatkan kajian dan penyelidikan yang terdahulu seperti buku, artikel, dan penulisan ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian yang diperolehi ia akan menyediakan panduan kepada setiap muslim untuk berakhlek mulia terhadap ibu bapa, keluarga, guru, sanak saudara, rakan, jiran tetangga, tetamu, orang yang memerlukan dan kanak-kanak.

Hal ini dikatakan demikian Islam telah mengajarkan kepada setiap manusia yang bergelar umat Islam supaya membuat kebaikan kepada semua makhluk sama ada bernyawa atau tidak bernyawa. Begitu pentingnya akhlak dalam kehidupan kerana melaluiinya manusia dapat mencapai insan yang berakhhlak mulia dengan menggunakan pendekatan Nabawi.

Jurnal yang telah dihasilkan oleh Muhamad Fauzi et.al. (2021) daripada jurnal Riset Agama yang bertajuk *Akhhlak Menuntut Ilmu Menurut Hadis serta Pengaruh Zaman terhadap Akhlak Para Peserta Didik*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya membincangkan tentang konsep akhlak dalam menuntut ilmu menurut hadis serta pengaruh zaman terhadap akhlak para peserta didik. Selain itu, melalui kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian perpustakaan serta analisis isi. Hasil dan pembahasan penelitian ini mencakup pandangan umum akhlak dalam menuntut ilmu, hadis tentang akhlak menuntut ilmu, dan akhlak menuntut ilmu dalam perubahan zaman. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dalam menuntut ilmu ada sesuatu yang tidak boleh dilupakan dan ditinggalkan iaitu akhlak dalam mencari ilmu dan baik kepada guru. Secara keseluruhannya, kajian ini telah merumuskan kepentingan etika dalam pembelajaran. Ini kerana tanpa akhlak yang baik seseorang itu tidak mendapat keberkatan dalam menuntut ilmu.

## 2.2 Kajian Lepas Berkaitan Novel

Kajian ini telah dihasilkan oleh Zuhairotun Nisa dan Raras Hafidha Sari (2022) daripada Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Universitas Hasyim Asy'ari. Kajian ini bertajuk *Karakteristik Watak Utama “Alif” Dalam Novel Negeri Lima Menara Karya Ahmad Fuadi (Tinjauan Psikologi Sastera)*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya menghuraikan konflik dalaman watak utama dalam novel *Negeri Lima Menara* karya Ahmad Fuadi, serta karakteristik watak utama dalam novel *Negeri Lima Menara* karya Ahmad Fuadi dari perspektif psikologi sastera. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah psikologi sastera. Jenis penyelidikan ini termasuk kajian perpustakaan, di mana penyelidik mempersemprehankan data secara deskriptif dan kemudian menganalisisnya menggunakan Teori Sigmund Freud. Hasil kajian ini ialah watak-watak utama dalam novel *Negeri Lima Menara* menjurus kepada nilai pendidikan watak yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian. Kajian ini telah berjaya membuka mata masyarakat untuk menerapkan akhlak yang baik secara konsisten dalam kehidupan seharian mereka.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan oleh Maria Intan Purnama Giawa et.al. (2022) daripada Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia yang bertajuk *Analisis Perwatakan Utama Dalam Novel Pertemuan Dua Hati Karya Nh. Din.* Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan mengenal pasti watak protagonis, antagonis dan tritagonis serta menganalisis penggambaran watak protagonis, antagonis dan tritagonis dalam novel *Pertemuan Dua Hati Karya Nh. Din.* Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam novel *Dua Hati Bertemu*, Bu Suci adalah protagonis dan Waskito adalah antagonis. Watak utama dilakonkan oleh nenek Waskito. Watak yang digambarkan adalah secara analitikal dan dramatik oleh pengarang. Dapat disimpulkan bahawa Bu Suci mempunyai karakter

protagonist iaitu sering mengalah, mudah tersentuh, berat, baik hati dan suka menolong. Manakala Waskito mempunyai karakter antagonis iaitu suka memukul, kejam, pemarah, selalu membantah dan suka menipu. Novel *Pertemuan Dua Hati* sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan buku teks kerana ia mempunyai teladan dan mengandungi nilai-nilai kehidupan yang positif.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan oleh Trisnawati Bura (2019) daripada Magister Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Universiti Muhammadiyah Malang yang bertajuk *Analisis Sifat Positif Watak Utama Dalam Novel Ayah*. Melalui kajian ini, pengkaji ingin membincangkan tentang sifat yang positif pada watak utama dan fungsi sifat positif pada watak utama dalam novel *Ayah* karya Andrea Hirata. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menghuraikan atau mendeskripsikan objek yang diteliti dengan menggambarkan sifat positif watak utama. Sumber data penelitian ini adalah novel *Ayah* karya Andrea Hirata. Data penelitian berupa monolog mahupun dialog yang berkaitan dengan sifat tokoh utama. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penelitian ini adalah membaca naskah atau teks yang berkaitan dengan fokus penelitian. Teknik analisis data yang dilakukan dengan memeriksa ulang data yang sudah diklasifikasikan, dimaknai dan membuat kesimpulan. Hasil analisis penelitian menunjukkan bentuk sifat positif yang dimiliki oleh Sabari sebagai tokoh utama dalam novel *Ayah* ini adalah sabar, peduli sosial, cinta damai, penyayang dan pantang menyerah. Kedua, fungsi sifat positif yang dimiliki watak utama Sabari adalah sikap berfungsi sebagai alat pengatur tingkah laku, kesabaran Sabari yang luar biasa juga terlihat pada saat dia dengan sabar menerima perlakuan Leboi yang tidak menyenangkan terhadap dirinya.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan oleh Adi Setiawan et. al. (2019) daripada Jurnal Ilmiah Korpus yang bertajuk *Analisis Watak Utama Dalam Novel Rose In The Rain* karya Wahyu Sujan. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengetahui karakter watak utama dalam *Novel Rose In The Rain* karya Wahyu Sujani. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Hasil dapatan mendapati terdapat beberapa data yang diperolehi sebagai bukti hasil penelitian. Data yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah data yang termasuk dengan watak, yang merupakan salah satu unsur pembentukan novel. Jika dilihat daripada peranan watak dalam perkembangan cerita, mereka boleh dibahagikan kepada watak utama dan watak tambahan. Dari sudut penampilan pula, watak juga boleh dibahagikan kepada protagonis (watak yang kita kagumi) dan antagonis (watak yang menyebabkan konflik). Watak utama dalam novel ini ialah Mashira Alexandra. Kajian ini berjaya menunjukkan watak utama dalam novel “ Rose In The Rain” karya Wahyu Sujan mempunyai keperibadian yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan oleh Siti Warnita et. al. (2021) daripada Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastera, Seni, Budaya yang bertajuk *Analisis Keperibadian Watak Utama Dalam Novel Perahu Kertas Karya Dewi Lestari*. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengkaji keperibadian watak dalam karya sastera. Dalam kajian ini juga pengkaji telah menggunakan teknik perpustakaan dan rakaman. Pendekatan ini akan menggariskan proses pemikiran yang dilalui watak utama iaitu satu bentuk aspek personaliti id, ego, dan superego. Hasil dapatan menunjukkan bahawa personaliti watak protagonis dalam novel *Perahu Kertas* karya Dewi Lestari merangkumi id, ego dan superego. Watak Kugy dan Keenan, personaliti superego yang paling dominan dalam novel ini, statistik superego 70 Kugy dan statistik superego 55 Keenan. Superego ialah

nilai-nilai moral yang berlaku kepada masyarakat dalam bentuk suruhan atau perintah. Superego akan menentukan sama ada seseorang itu bertindak dengan baik atau sebaliknya. Watak Kugy dan Keenan turut mendominasi dalam novel ini iaitu data id 68 Kugy dan data id 37 Keenan. Id ialah personaliti semula jadi. Watak Kugy dan Keenan juga mempunyai personaliti ego paling sedikit dalam novel ini, statistik Kugy 48 dan ego Keenan 28 statistik. Kajian ini berjaya menganalisis keperibadian watak utama dalam novel ini.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan Ramadani Pingkan Pradana et. al. (2021) daripada Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia yang bertajuk *Pendidikan Karakter Pada Watak Utama Dalam Novel Bara Karya Febrialdi Rusdi Sebagai Alternatif Bahan Ajar Di SMK*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya ingin mengetahui karakter watak utama dalam novel *Bara* karya Febrialdi Rusdi. Kedua, pengkaji juga ingin mengetengahkan kerelevan novel *Bara* karya Febrialdi Rusdi dalam pendidikan watak yang akan dijadikan bahan pengajaran SMK. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah deskriptif kualitatif. Melalui hasil dapatan menunjukkan bahawa watak utama dalam novel *Bara* karya Febrialdi Rusdi mempunyai perwatakan yang berbeza. Ia berkaitan dengan situasi dan keadaan yang dialami oleh watak utama. Imej Bara adalah seorang yang berdedikasi terutamanya apabila berhadapan dengan masalah yang serius. Kajian ini berjaya memberi pendidikan karakter yang baik sebagai bahan Bahan Ajar Di SMK.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah (2018) daripada Journal of Nusantara Studies (JONUS) yang bertajuk *Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ Karya Aminah Mokhtar*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya ingin memfokuskan tentang ciri-ciri perwatakan wanita

Melayu Islam dalam novel *Diari Seorang Jururawat* karya Aminah Mokhtar berasaskan konsep Feminisme Talbiah. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan Teori Feminisme Talbiah. Dapatan kajian menunjukkan perwatakan watak utama dalam novel iaitu Siti Munirah seorang wanita Melayu muslim dari sudut personaliti, ketakwaan, budaya, psikologi dan kerohanian adalah sejajar dengan konsep talbiah yang berlandaskan ketauhidannya kepada Allah SWT. Dapat dirumuskan bahawa perwatakan watak wanita Muslim dalam novel ini berpaksikan kepada unsur ketuhanan dan unsur ketuhanan inilah yang diabaikan dalam pemikiran Feminisme Barat.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan Yana Destriani dan Achmad Maulidi (2021) daripada Jurnal Al-Hakmah yang bertajuk *Pendidikan Karakter Islami Wanita Dalam Novel Hati Suhita Karya Khima Anis*. Kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan tentang banyak berlaku kemerosotan akhlak, sikap dan tingkah laku sosial khususnya wanita dalam era pembangunan sosial. Kemunduran ini dapat dilihat dari pelbagai aspek seperti perilaku yang tidak baik dan melanggar batasan-batasan sebagai seorang muslimah. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan satu pendekatan iaitu kualitatif kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *Hati suhita* karya Hilma Anis mengandungi nilai-nilai pendidikan akhlak Islamiah untuk wanita. Terdapat empat jenis nilai budi pekerti iaitu agama termasuk Istiqomah, Tawadhu dan Ikhlas. Kedua, isteri yang solehah akan merangkumi ketaatan, ketekunan, amanah, mengambil berat dan sabar. Ketiga, ukhuwah termasuk menyambung tali persaudaraan, silaturahim atau komunikasi dan keprihatinan. Keempat, Fathanah merangkumi ketabahan, suka membaca, ilmu dan berfikiran positif. Secara keseluruhannya, novel ini berjaya memberi pendidikan di dalamnya. Melalui pembacaan novel ini dapat memberi manfaat, menambah pengetahuan dan dapat memperbaiki diri.

Menerusi jurnal yang telah dihasilkan Tuan Rusmawati binti Raja Hassan (2022) daripada Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan yang bertajuk *Ketauhidan Wanita Dalam Novel Salju Sakinah Karya Zaid Akhtar*. Melalui kajian ini, pengkaji ingin menumpukan pemerhatian terhadap manifestasi wanita dalam penghasilan novel Melayu. Selain itu, kajian ini juga memaparkan watak Sumayyah dalam novel *Salju Sakinah* (2008) digambarkan sebagai seorang muslimah yang ideal namun berhadapan dengan cabaran yang berterusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berdasarkan kerangka surah an-Nisa, Zaid Akhtar mengajukan tiga perilaku yang memacu kepada sifat ketauhidan dalam diri iaitu melaksanakan amar makruf nahi mungkar, bersabar dan berjihad ke jalan Allah. Watak Sumayyah dalam novel ini diinspirasikan daripada wanita pertama yang memeluk Islam iaitu Sumayyah binti Khayyat. Kajian ini merumuskan bahawa Zaid Akhtar bukan sahaja pengarang lelaki yang tidak bersifat bias dalam menggambarkan watak wanita dalam karya tetapi membuktikan bahawa urusan dakwah itu tidak hanya lewat ceramah atau syarahan semata-mata.

### 2.3 Kajian Lepas Berkaitan Teori Takmilah

Kajian ini dijalankan oleh Aisyah Zafirah Shariza et. al. (2022) daripada Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) yang bertajuk *Analisis Plot dalam Novel Ketika Azazil Berputus Asa (2017):Perspektif Takmilah Shafie Abu Bakar*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada Novel Islamik karya Hadi Fayyadh berjudul *Ketika Azazil Berputus Asa* (2017) mengisahkan tentang fitnah di akhir zaman dan melukis gambaran dunia menjelang kiamat dan kehidupan umat Islam pada masa yang jauh dari nilai-nilai Islam dan undang-undang Islam. Kaedah yang digunakan

dalam kajian ini adalah kualitatif, menganalisis novel melalui analisis teks. Selain itu, kajian ini juga membincangkan tujuh prinsip utama, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Hasil kajian yang mendapati analisis plot dalam novel Hadi Fayyad menunjukkan prinsip Islam dengan mengingatkan umat Islam tentang kiamat yang diterangkan dalam novelnya. Kajian membuktikan plot dalam novel *ketika Azazil Berputus Asa* berjaya menyedarkan pembaca tentang pembentukan peribadi sebagai seorang muslim yang bersifat Kamil.

Kajian yang telah dihasilkan Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) daripada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini bertajuk *Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Pengkaji telah memfokuskan kajian ini tentang kadar murtad semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat Melayu dan akan memberi impak yang negatif yang mendalam kepada manusia. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah perpustakaan dan teks. Seterusnya, Teori Takmilah dijadikan sebagai metodologi kajian dengan menggunakan prinsip-prinsip Islam, ilmu dengan sastera dan Islam bersifat Akmal. Hasil dapatan menunjukkan menurut Ade Pahrudin (2022:33) menjelaskan bahawa murtad membawa maksud menjadi kafir setelah beriman atau masuk Islam. Murtad boleh merujuk kepada perkara meninggalkan keluar dari sesuatu agama. Orang murtad boleh beralih kepada agama yang lain atau memilih untuk kekal tanpa agama (ateisme). Hal ini kerana Iman dianggap sebagai pertahanan bagi

orang Islam untuk tidak melakukan perkara yang tidak baik. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menerokai bagaimana faktor-faktor terjadi murtad dalam kalangan orang Islam pada hari ini dan perkara ini sewajarnya dikenal pasti demi memastikan agama Islam terpelihara daripada anasir-anasir negatif yang akan membawa kejatuhan masyarakat Islam.

Kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan menerusi artikel yang bertajuk *Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah*. Kajian ini telah merumuskan tentang Kreativiti orang Melayu dalam mengolah cerita rakyat bukan sahaja untuk menghiburkan, malah dapat mendidik masyarakat dengan nilai-nilai Islam. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia yang berupaya mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai metode kajian dan Teori Takmilah dijadikan sebagai deduktif kajian yang akan mengukuhkan pada bahagian analisis. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam sememangnya terkandung dalam cerita-cerita rakyat ini dan berpotensi sebagai medium pendidikan yang efektif kepada khalayak.

Seterusnya, kajian ini telah dihasilkan oleh Hadijah Johari dan Nor Shahida Binti Mohd Shaker (2019) daripada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Kajian ini bertajuk *Rawatan infertiliti patuh Maqasid Shariah dalam novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain berdasarkan Teori Takmilah*. Dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada rawatan infertiliti secara umum menurut Maqasid Shariah selaras dengan prinsip-prinsip Takmilah. Selain itu, pengkaji turut menganalisis kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan. Hasil daripada penelitian dan

analisis, pengkaji mendapati bahawa tujuh prinsip Teori Takmilah ditemui dalam sub plot dan plot dalam novel ini. Tujuh prinsip Takmilah ini ialah ketuhanan yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, sastera yang berciri Estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang mengistikmalkan diri dan khalayak ke arah insan Kamil. Bukti tujuh prinsip Teori Takmilah ditemui dalam kumpulan novel yang dikaji iaitu novel *Cinta In Vitro* karya Nik Hazlina Nik Hussain ini padat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran. Ia boleh diklasifikasikan sebagai karya sastera Islam kerana mengandungi beberapa unsur tauhid, maqasid syariah, akhlak, sastera, ilmu kesihatan dan perubatan. Kajian ini telah berjaya membangkitkan kesedaran dan keinsafan kepada manusia dan akhirnya membawa kepada peningkatan keimanan dalam mentauhidkan Allah.

Di samping itu, kajian ini telah dihasilkan Zaidi Ahmad et. al. (2022) daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini bertajuk *Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Mereka Yang Tertewas*. Melalui kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada menganalisis dan mengenal pasti peranan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md Isa sebagai medium ke arah pembentukan modal insan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan prinsip kedua teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dengan memberikan tumpuan khusus kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku terhadap watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* yang dapat menjadi pemangkin ke arah pembentukan modal insan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sikap-sikap terpuji watak utama di samping peristiwa-peristiwa dalam novel yang dikaji sememangnya wajar dicontohi kerana ianya memandu khalayak kearah pembentukan modal insan. Sifat-sifat

watak yang bijak dalam memimpin keluarga dan masyarakat,bertakwa dan beriman adalah selaras dengan makna insan khalifah dan insan Rabbani. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa watak utama novel yang dikaji dapat dijadikan sebagai contoh kearah pembentukan modal insan dalam kalangan masyarakat.

Kajian ini juga telah dihasilkan oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nur Aina Syahirah Binti Azmi (2018) daripada International Conference on Ummah ICU. Kajian ini bertajuk *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah*. Melalui kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa elemen dalam Teori Takmilah iaitu dengan mengangkat karya Salina Ibrahim sebagai teks yang memperlihatkan ciri-ciri fiksyen Islamik. Selain itu, dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan teori Takmilah sebagai asas analisis. Teori ini digunakan untuk menentukan sama ada unsur-unsur yang terkandung dalam novel *Mencari Cahaya* ini sama ada menepati terhadap elemen yang ada dalam Teori Takmilah seperti prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat yang bersifat Akmal (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah (sempurna), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil (sempurna) diajukan pengarang dalam karyanya. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati beberapa elemen dalam Teori Takmilah yang telah dirincikan oleh pengarang melalui paparan pada watak, teknik pembinaan ayat, daksi, petikan surah dari al-Quran, hadis beserta kitab, dan teknik monolog dalam sebagai medium penyampaian dakwah. Kajian ini membuktikan bahawa pemikiran Islam dalam novel *Mencari Cahaya* berjaya memberi moral dan pengajaran kepada masyarakat.

Kajian dilakukan ini oleh Rosli Abd Manas et. al. (2023) dari Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry yang bertajuk *Ciri-Ciri Thriller Islam Dalam Novel Ayat-Ayat Cinta (Love Verses)*. Kajian bertujuan untuk membina konsep *thriller* berdasarkan nilai-nilai Islam. Konsep ini berdasarkan kepada penggunaan idea-idea daripada Teori Takmilah (1995) dan konsep *Thriller* Trish Macdonald Skillman (2000) yang disesuaikan daripada sumber-sumber Al-Quran. Tiga prinsip Teori Takmilah iaitu literatur estetik berasaskan Takmilah iaitu penulis yang menggunakan teksnya untuk menghasilkan individu-individu taat untuk menjelaskan sifat teks, penulis, dan orang ramai sebagai tiga komponen penting yang berkaitan dengan kehadiran unsur-unsur *Thriller* dalam teks-teks sastra. Di sisi lain, unsur-unsur *Thriller* yang diperkenalkan oleh Trish Macdonald Skillman seperti emosi, kejutan, kebingungan, ketakutan, antisipasi dan bahaya disesuaikan dengan sumber-sumber dari Al-Quran. Berdasarkan analisis ini dapat disimpulkan bahawa novel terdiri daripada unsur-unsur *Thriller* seperti emosi, kejutan, kebingungan, ketakutan, jangkaan, dan bahaya dalam menggambarkan watak-watak yang berkaitan dengan kesedaran mereka tentang nilai-nilai Islam. Sebagai contoh, Fahri menolak untuk memberikan sumbangaan kerana takut kepada azab di akhirat oleh Allah Yang Maha Kuasa. Perasaan takut ini disebabkan oleh ajaran Islam watak yang melarang sumbangaan. Implikasi penyelidikan ini menunjukkan bahawa penulis Muslim memasukkan unsur *Thriller* dalam novel mereka dengan tujuan menyediakan nilai-nilai agama dan kesedaran sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mereka untuk menjadi penulis yang lebih baik bagi pembaca dan teks untuk mencapai kesempurnaan. Berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati konsep *Thriller* Islam ini berkhidmat sebagai alternatif kepada kajian berdasarkan perpustakaan ini yang bertujuan untuk membina konsep *Thriller* berdasarkan perspektif nilai-nilai Islam.

## 2.7 Penutup

Kesimpulannya, hal ini terbukti bahawa kajian-kajian lepas yang dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini yang lebih berpengalaman sangat penting untuk menjawab segala persoalan yang timbul. Kajian ini juga telah menggunakan beberapa prinsip yang ada dalam teori yang dipilih. Hal ini kerana semua prinsip tersebut bersifat dominan dengan objektif kajian. Selain itu, pengkaji sebelum ini banyak mengkaji berkaitan dengan akhlak yang ada pada manusia. Berdasarkan sorotan kajian kajian, ia boleh digunakan sebagai penanda aras untuk penyelidikan yang berkualiti tinggi dan boleh digunakan sebagai rujukan untuk pengkaji lain pada masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Siti Sarah (2015) menyatakan bahawa metodologi kajian terdiri daripada pelbagai kaedah dan teknik yang digunakan untuk mencipta, mengumpul dan menganalisis data dalam usaha untuk menghasilkan bukti yang kukuh untuk menyokong kajian. Selain itu, ia boleh memberikan penjelasan tentang cara sesuatu isu dikaji dan mengapa kaedah dan strategi tertentu dipilih. Dalam bab ini, pengkaji membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian Kesantunan Akhlak Menerusi Novel Salju Sakinah Karya Zaid Akhtar Menggunakan Teori Takmilah. Sehubungan dengan itu, bab metodologi kajian ini akan menerangkan reka bentuk kajian dan kaedah yang digunakan, termasuk kaedah kepustakaan, iaitu proses analisis teks, rujukan ke laman sesawang yang berkaitan dengan artikel akademik, dan rujukan kepada sumber akademik dan ilmiah. Selain itu, bab tiga ini memberikan penjelasan tentang pelbagai aspek pengumpulan dan pemprosesan data, termasuk pembacaan (memoing), penerangan data dan analisis data. Kaedah yang digunakan bertujuan untuk membantu pengkaji dalam melengkapkan analisis kajian

### 3.0 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah diperlukan dalam pengkajian. Reka bentuk adalah kerangka sesebuah kajian untuk mengumpul dan menganalisis data dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ini termasuk pelbagai elemen, seperti metodologi kajian, kaedah persampelan, kaedah pengumpulan data, kaedah pemprosesan dan analisis data, dan cara laporan ditulis (Suriyati, Merhayati dan Fazlin, 2012). Kaedah yang digunakan sesuai bagi memperoleh jawapan kepada setiap persoalan yang timbul supaya objektif kajian tercapai. Menurut oleh Nurul Izzati Binti Rosli (202:37), reka bentuk kajian adalah penting kerana ia merupakan satu cara untuk menjalankan kajian ini dan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan dan objektifnya. Pengaplikasian kualitatif meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah laman sesawang digunakan bertujuan untuk mengumpul data dalam proses penganalisisan.

#### 3.1 Cara Pengumpulan Data

Menurut Sulaiman Masri (2005) menyatakan pengumpulan data adalah proses pengumpulan boleh ubah, penyelidik akan menentukan semua aspek prosedur, teknik, dan pengumpulan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji juga menggunakan proses pengumpulan data melalui kaedah penelitian dan pemerhatian untuk mengetengahkan kesantunan akhlak dalam novel *Salju Sakinah*.

Menurut Nur Amelia Farhana (2023: 57), pengumpulan data ialah teknik yang digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis objektif kajian. Selain itu, pengkaji juga telah melakukan kesemua penelitian terhadap watak-watak yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah*. Akhlak yang baik masih wujud terbukti dengan tingkah laku yang dipamerkan oleh watak-watak dalam novel *Salju Sakinah*. Kesemua data ini diperolehi melalui teknik analisis data kualitatif iaitu melalui kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks, kaedah laman sesawang, kaedah analisis data dan bahan-bahan akademik dan ilmiah.

### 3.2.1 Kaedah Perpustakaan

Kajian ini telah menggunakan penelitian yang bersumberkan kepada keterangan daripada dokumen-dokumen yang bersesuaian dengan tajuk yang dibincangkan oleh pengkaji. Menurut Shafie Abu Bakar (1991), kaedah kepustakaan digunakan oleh penulis atau pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian dokumen yang sedia ada. Selain itu, pengkaji juga menggunakan sumber terdahulu seperti tesis, artikel, jurnal untuk melihat gaya penulisan dan sebagai rujukan untuk menganalisis teori dan aspek yang dikaji. Menurut Yunisza (2015), telah menyatakan bahawa kaedah kepustakaan ini sering menjadi kaedah dominan dalam melakukan kajian kerana maklumat yang diperolehi merupakan maklumat tepat dan sahih yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian ilmiah. Seterusnya, pengkaji menggunakan sumber perpustakaan untuk mendapatkan sumber tambahan bagi mempertingkatkan lagi kajian analitikal. Pengkaji turut melawat Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, untuk mencari rujukan lain berkaitan penyelidikan yang dikaji.

### 3.2.2 Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks menjadi salah satu kaedah yang utama dalam mendapatkan data bagi kajian ini memandangkan bahan utama kajian ini merupakan sebuah novel. Tajuk kajian ini ialah Kesantunan Akhlak dalam novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar: Satu Pengaplikasian Teori Takmilah. Oleh itu, novel *Salju Sakinah* yang dikarang oleh Zaid Akhtar menjadi bahan utama untuk dianalisis oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat. Pengkaji mendapatkan novel ini dengan cara meminjamnya di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Novel ini diterbitkan pada tahun 2015 oleh PTS Publications. Novel yang bergenre Islamik dan mempunyai 556 halaman bercetak. Kaedah analisis teks ini dijalankan dengan terperinci sehingga maklumat dan data yang diperolehi dapat memenuhi tujuan kajian ini. Pengkaji membaca dan menyemak segala yang terkandung dalam novel tersebut untuk membuat kajian yang baik. Antaranya 10 teks berkaitan dengan Teori Takmilah dan kesantunan akhlak.

### 3.2.3 Kaedah Laman Sesawang

Pengkaji juga menggunakan teknik laman web untuk mengenal pasti sumber kajian. Pengkaji mengakses pelbagai laman web secara maya untuk mendapatkan maklumat seperti bahan kajian yang diperoleh daripada pengkaji lain. Antaranya adalah laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, portal perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti awam yang lain dan Google Scholar. Menurut Nurul Izzati Binti Rosli

(2023:45), kaedah laman web ialah kaedah tambahan dalam data sekunder, di mana orang menggunakan laman web untuk mendapatkan maklumat kajian berkaitan. Laman web tidak hanya tertumpu pada pencarian maklumat tetapi ia juga merupakan cara terbaik untuk pengkaji berinteraksi dengan pengkaji lain untuk mendapatkan maklum balas tentang kajian yang dibincangkan. Menurut Nur Amelia Farhana (2023: 59), segala maklumat boleh diperolehi daripada kaedah ini dan ia akan dikumpulkan untuk dijadikan sumber rujukan bagi menghasilkan kajian ini agar dapat melengkapkan kajian ini dengan sempurna. Selain itu, penggunaan laman sesawang boleh membantu pengkaji dalam mengakses segala maklumat dengan mudah bagi melengkapkan pengumpulan data tanpa mengira waktu.

### 3.2.4 Bahan-Bahan Akademik dan Ilmiah

Di samping itu, kajian ini juga mendapat data daripada rujukan akademik dan ilmiah. Pelbagai bahan akademik telah digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Bahan ilmiah untuk dijadikan rujukan mestilah berkait rapat dengan permasalahan kajian ini iaitu kurangnya perhatian yang diberikan kepada isu-isu kesantunan akhlak oleh pengkaji lain. Salah satu bahan akademik yang menjadi sumber pemerolehan data. Antaranya buku-buku yang dipilih sesuai dengan tajuk kajian seperti novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dan *Dari Barat Ke Timur Teori Dan Kritikan Sastera* karya Mana Sikana dan beberapa buah buku yang lain. Kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ini dengan sempurna.

### 3.2.5 Analisis Data

Noeng Muhamadji (1998: 104) menyatakan maksud analisis data ialah usaha sistematik untuk mencari dan menyusun rekod daripada hasil pemerhatian, temu bual dan lain-lain. Bagi menyempurnakan kajian ini, kaedah analisis data sebagai data sekunder telah digunakan untuk menjawab objektif kajian. Fokus utama kajian ini berkaitan kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar menggunakan Teori Takmilah. Objektif kajian pertama adalah menganalisis kesan kesantunan akhlak menggunakan pendekatan Teori Takmilah. Kedua, mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak menerusi novel *Salju Sakinah*. Oleh itu, berdasarkan objektif kajian tersebut akan menghasilkan dapanan kajian yang berkualiti dengan menggunakan kaedah reka bentuk kajian, kaedah perpustakaan dan kaedah laman sesawang. Menurut Ummi Adibah (2019), kaedah analisis data ialah peringkat proses kajian yang memproses data yang terkumpul bagi menjawab rumusan persoalan kajian. Analisis data juga merupakan sejenis penyelidikan yang menukar data kajian kepada maklumat baharu yang boleh digunakan untuk membuat kesimpulan. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis data ialah proses mencari dan menyusun semula data yang diperoleh daripada pengumpulan dokumen. Melalui analisis data ini juga dapat membantu pengkaji merungkai bentuk-bentuk kesantunan akhlak yang terdapat dalam novel yang dipilih. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif terhadap novel yang dipilih. Segala bentuk kesantunan akhlak akan disokong dengan sumber data yang diperolehi daripada dialog, perbuatan dan watak yang terkandung dalam novel yang dipilih.

### 3.2 Kedah Penerapan Teorikal

Teori adalah cara untuk menghubungkan fakta-fakta yang diamati dan memberikan penjelasan yang jelas dan logik. Selain itu, penciptaan teori juga mampu membantu para pengkaji untuk membuat kajian yang sempurna. Menurut Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan (2023: 33) menyatakan bahawa teori merupakan satu perkara yang mengandungi fakta yang mampu memperkuatkan lagi hujahan atau pendapat yang telah diberikan. Oleh itu, penggunaan teori mampu membantu pengkaji menghasilkan kajian yang sempurna.

Teori Takmilah ini diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Menurut Shafie Abu Bakar, takmilah merupakan satu istilah yang berkaitan dengan sifat Kamal Allah SWT yang bererti sempurna. Daripada akar kata ini, lahir nama terbitanya Takmilah yang bererti menyempurnakan. Dengan menggunakan teori ini, bererti bahawa sesuatu itu akan menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Selain itu, Teori ini dibangunkan bukan sekadar menjadikan tauhid sebagai asas perbincangan utama bahkan memperlihatkan kesatuan yang padu antara karya, pengkarya dan khalayak dalam menggariskan konsep habl min Allah (hubungan manusia dengan Allah) dan habl min al Nas (hubungan manusia dengan manusia). Secara umumnya, Teori Takmilah menggariskan tujuh prinsip yang kesemuanya saling lengkap melengkapi untuk menuju kesempurnaan. Oleh yang demikian, berdasarkan tujuh prinsip iaitu ketuhanan

yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang mengistikmalkan diri dan khalayak ke arah insan Kamil.

### 3.3.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal

Prinsip pertama yang terdapat dalam Teori Takmilah ialah prinsip ketuhanan yang bersifat kamal. Kamal bermaksud sifat Allah SWT yang maha sempurna. Prinsip pertama menjelaskan hubungan di antara dua sifat Allah iaitu kamal yang membawa maksud sempurna manakala jamal pula membawa maksud keindahan. Kesempurnaan Allah terpancar melalui makhluk kejadian-Nya. Kewujudan manusia yang telah dibentuk oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian memperlihatkan sifat kamal dan jamalNya. Prinsip ini dengan kata lain menekankan aspek ketuhanan dalam sesebuah karya untuk sampai kepada tahap “ sempurna”. Sifat Allah SWT yang maha sempurna ini dapat dilihat melalui watak makhluk dan alam ciptaanNya.

### 3.3.2 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil

Selain itu, prinsip yang kedua pula iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Prinsip ini telah memperlihatkan Rasulullah sebagai insan Kamil yang mempunyai ciri insan rabbani dan insan khalifah. Baginda juga adalah contoh teladan bagi semua umat manusia. Semua Umat pula digesa

supaya memperbaiki diri dengan ciri insan khalifah dan insan rabbani ke arah insan Kamil (Mana Sikana, 2013). Sehubungan dengan itu, terdapat juga tiga konsep idea keinsanan dalam falsafah pemikiran Islam antaranya insan kamil, insan khalifah dan insan Rabbani. Insan khalifah merujuk kepada kemampuan dan kebolehan insan yang dapat menjadi pemimpin, dilihat dalam pelbagai aspek untuk menjadi khalifah seperti keperibadian tinggi, berilmu, kepimpinan dan akhlak yang dianggap sempurna sebagai khalifah. Insan rabbani pula lebih menekankan dari aspek kerohanian dan mendekatkan diri kepada Allah. Kesempurnaan-Nya telah terpancar melalui makhluk kejadian-Nya. Oleh itu, sifat khalifah dan insan Rabbani banyak menyumbang dalam pembentukan Kamil.

### 3.3.3 Prinsip Islam Yang Bersifat Akmal

Prinsip yang ketiga ialah prinsip Islam yang bersifat akmal. Akmal menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang direhsti-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek. Ciri seorang Islam atau muslim ialah mempunyai sifat kesempurnaan dalam beragama. Seseorang itu akan cuba memperbaiki diri dan amalannya sehingga berjaya menjadi muslim yang sempurna (Mana Sikana, 2013).

### 3.3.4 Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat Takamul

Prinsip keempat teori takmilah ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul. Sastera yang dipegang oleh teori ini ialah seni yang tinggi nilainya ke arah kesempurnaan dalam beragama. Seni sastera membawa

tamadun manusia yang selari dengan khadarah manusia (Manz Sikana, 2013). Takamul merupakan alat untuk mencapai keilmuan terhadap ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Selain itu, keperluan ilmu dengan sastera yang menjadikan Teori Takmilah sebagai teori yang saling melengkapi.

### 3.3.5 Prinsip Sastera Yang Berciri Estetik Dan Bersifat Takmilah

Prinsip yang kelima pula melihat prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah. Prinsip ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu aspek keindahan lahiriah dan yang kedua ialah aspek keindahan maknawi. Manusia memerhati alam untuk mendapat ilham dan ia diterapkan dalam hasil karya. Lahiriah pula merupakan sesuatu yang berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, watak, bahasa, diksi, nada dan sebagainya. Manakala, maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Justeru, apabila elemen-elemen ini digabungkan menjadi satu akan menjurus kepada proses penciptaan dan pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna dari pelbagai aspek termasuk aspek dalaman dan luaran. Mana Sikana dalam bukunya *Teori dan Kritikan Sastera dari Barat ke Timur* pada tahun 2013 menjelaskan bahawa karya sastera harus memiliki unsur keindahan dan bersifat menyempurnakan kemanusian. Keindahan di sini merujuk kepada estetik Islami bukannya luaran atau ambilan dari Barat.

### 3.3.6 Prinsip Yang menekankan Pengkarya Seharusnya Mengistimalkan Diri

Prinsip yang keenam ini pula ialah prinsip yang menekankan pengkarya seharusnya mengistimakkan diri. Ini bermaksud pengkarya itu sendiri seharusnya melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu- ilmu yang berhubung dengan sastera. Ilmu yang dimiliki itu seharusnya secara mendalam dan diterapkan ke dalam hidupnya sendiri. Selain itu, pengkarya haruslah menguasai ilmu-ilmu yang berhubung dengan karya secara umum seperti ilmu teori dan kritikan serta ilmu-ilmu lain. Hal ini akan membantu pengkarya tersebut dalam meluaskan kefahamannya. Sehubungan dengan itu, penulis yang berusaha untuk menyempurnakan dirinya. Sebagai contoh, penulis, dia haruslah berusaha memperbaiki dirinya, selaras dengan konsep hijrah dalam Islam (Mana Sikana, 2013).

### 3.3.7 Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil

Prinsip yang terakhir adalah prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Di dalam prinsip ini juga menekankan seseorang pengkarya perlu mengajak pembaca menghayati kesyumulan Islam serta menyakinkan bahawa melalui penulisan juga dapat mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna dari segala aspek. Hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, mananam nilai tauhid, kebesaran tuhan, jihad, dan sesuatu yang mengajak manusia ke arah kebaikan. Sebuah karya

sastera yang dihasilkan oleh seorang penulis seharusnya dapat mewujudkan kesedaran dan keinsafan di dalam kalangan khalayak. Ini dapat dilihat menerusi watak, perwatakan serta jalan cerita yang dipaparkan oleh pengkarya ke dalam karyanya. Hal ini dapat dibuktikan bahawa sebuah karya yang baik adalah karya yang menerapkan konsep amar makruf, nahi mungkar dan mampu memberi pengajaran kepada masyarakat luar.

### 3.4 Pemilihan Prinsip Dalam Teori Takmilah.

#### 3.4.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal

Asep Supriadi (2011:247) menyatakan bahawa Teori Takmilah memerlukan pemahaman sastera tanpa terlepas dari aspek ketuhanan. Aspek ketuhanan ini bermula dari konsep bahawa keindahan merupakan manifestasi kesempurnaan Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap manusia perlu ikhlas dalam melakukan segala sesuatu demi Allah yang maha sempurna. Aspek ketuhanan ini bermuara pada sifat Allah iaitu sifat Kamal, Jamal dan Jalal. Sebagai contoh, seseorang itu perlu ikhlas dalam melakukan ibadah agar ketakwaan semakin meningkat. Selain itu, aspek ketuhanan juga adalah rukun iman iaitu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada kitab-kitab Allah yang diturunkan kepada para nabi, percaya kepada rasul, percaya kepada hari kiamat, dan percaya kepada takdir. Menurut Syarah Aqilah Binti Zulfakar (2023:81), menegaskan bahawa hubungan antara sifat-sifat Allah seperti keindahan (Jamal) dan sempurna (Kamal) ini dapat digambarkan melalui bagaimana

pencipta yang telah menjadikan manusia adalah orang sebaik-baik kejadian dan sempurna sifatnya yang mana memperlihatkan bahawa penciptaan-Nya adalah sempurna dan indah. Dalam dunia sastera, pengarang menjadikan manusia dan alam sebagai subjek dalam penghasilan karya ia juga telah membawa elemen ketauhidan yang berjaya mengetengahkan tentang kehebatan kuasa Allah dalam menjadikan hamba sebagai seorang bertakwa. Penerapan prinsip ini dalam diri seorang manusia telah mendorong keinsafan dan mengakui bahawa Allah adalah berkuasa atas segala kehendak-Nya.

### 3.4.2 Prinsip Islam Yang Bersifat Akmal

Prinsip yang ketiga ialah prinsip Islam yang bersifat Akmal. Akmal menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang direhái-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek. Ciri seorang Islam atau muslim ialah mempunyai sifat kesempurnaan dalam beragama. Seseorang itu mencuba memperbaiki keagamaan dan amalannya sehingga menjadi muslim sempurna (Manu Sikana, 2013). Sebagai contoh, manusia perlu menjadi orang yang bertakwa untuk menunjukkan sisi seorang muslim yang baik. Selain itu, seseorang itu perlu juga meningkatkan amalan dan menjaga hubungan dengan Allah SWT supaya mendapat keredhaan-Nya. Sehubungan dengan itu, seseorang pengarang tidak hanya menghasilkan penulisan karya sastera sebagai elemen hiburan semata-mata sebaliknya perlu menitikberatkan nilai kebertanggungjawaban dan menyempurnakan hasil kreatif mereka dengan meresapkan nilai estetika seni

selaras dengan kehendak dan kesempurnaan-Nya (Mohd Faradi & Nik Nurul Farhana, 2017). Karya juga perlu memaparkan nilai-nilai takmilah yang berkait rapat dengan elemen kejiwaan dan kesetiaan terhadap ajaran Islam. Hal ini diperlihatkan apabila pengarang menampilkan bentuk-bentuk kebaikan menerusi watak yang terdapat dalam novel. Menerusi watak-watak dalam novel ini ia telah mengetengahkan seorang yang sentiasa mendepankan amal ibadah dalam menundukan perperangan jiwa. Pemfokusan utama dalam kajian Takmilah adalah mengenai perbezaan teknik penyampaian cerita dalam karya. Hal ini sama ada berunsur hiburan semata-mata atau sebagai sebuah karya yang tersirat dengan didikan pembentukan kejiwaan yang mempunyai prinsip atau falsafah tauhid sebagai asas kehidupan seseorang yang berpegang kepada agama. Berdasarkan prinsip Akmal iaitu menolak ideologi yang bertentangan dengan pemahaman Islam serta mempraktikkan sepenuh kehidupan sebagai umat Islam. Di samping itu, ia bertujuan menyampaikan dakwah melalui karya-karya untuk tujuan menyempurnakan akidah tauhid bagi menambah baik dan membentuk keimanan khalayak. Selain itu, karya yang ditulis oleh pengarang ini sarat dengan elemen-elemen Islam yang perlu diterapkan oleh seorang Muslim sejati seperti solat, berdoa dan bertawakal. Berdasarkan perbuatan ini ia telah menjadi Rasulullah SAW sebagai contoh dalam kehidupan seharian agar tidak terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Peranan pengarang dalam karya sastera sangat penting kerana pengarang akan menyebarkan dakwah.

### 3.4.3 Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan


Kamil

Prinsip yang terakhir adalah prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Di dalam prinsip ini juga menekankan seseorang pengkarya perlu mengajak pembaca menghayati kesyumulan Islam serta menyakinkan bahawa melalui penulisan juga dapat mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna dari segala aspek. Hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai tauhid, kebesaran tuhan, jihad dan sesuatu yang mengajak manusia ke arah kebaikan. Sebuah karya sastera yang dihasilkan oleh seorang penulis seharusnya dapat mewujudkan kesedaran dan keinsafan di dalam kalangan khalayak. Ini dapat dilihat menerusi watak dan perwatakan serta jalan cerita yang dipaparkan oleh pengkarya ke dalam karyanya. Hal ini dapat dibuktikan bahawa sebuah karya yang baik adalah karya yang menerapkan konsep amar makruf, nahi mungkar dan mampu memberi pengajaran kepada masyarakat luar. Menurut Mohamad Shafie Ayub (2017:30) menegaskan bahawa prinsip ini mempunyai tujuan yang tersendiri seperti ingin melahirkan karya-karya yang selari dengan saranan Islam iaitu setiap sastera Islam haruslah berunsur pendidikan, berdakwah dan mampu meningkatkan ketauhidan diri pembaca serta mampu menunjukkan kebesaran, kekuasaan dan kesempurnaan Allah SWT. Agar hasilnya dapat memupuk khalayak pembaca ke arah pembentukan insan Kamil iaitu mencontohi peribadi terpuji dan akhlak mulia.

Rasulullah SAW Bagi merealisasikan objektif ini semua prinsip teori takmilah perlu saling melengkapi dan bersepada. Jika kesemua prinsip-prinsip ini dipatuhi dan dipraktikkan oleh pembaca ia akan melahirkan sebuah karya sastera yang sempurna dan mampu membentuk khalayak yang memenuhi ciri-ciri insan yang baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.5 Kerangka Teori



RAJAH 3.5: Kerangka Teori

### 3.6 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan kaedah yang sesuai untuk melaksanakan penyelidikan kajian ini. Dalam perbincangan metodologi kajian ini, pengkaji telah menerangkan secara terperinci cara pengumpulan, pemprosesan dan pemerolehan data dilakukan, berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Selain itu, pengkaji menggunakan sumber primer dan sekunder yang sesuai supaya pengkaji boleh melakukan pengolahan idea inovatif serta menyokong dan mengukuhkan idea mereka. Fokus utama metodologi kajian ini ialah elemen yang digunakan untuk mendapatkan semua maklumat penting tentang kajian supaya proses analisis kajian disusun secara teratur dan strategik.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan berkaitan dengan analisis kajian yang meliputi bentuk- bentuk akhalak yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar. Bab ini akan menerangkan secara terlebih terperinci mengenai Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak yang dapat diperolehi dalam novel ini melalui proses data-data yang diperolehi akan dibincangkan dalam bahagian ini. Setiap data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan mengaplikasikan satu teori yang sesuai untuk memantapkan lagi analisis kajian ini. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah Teori Takmilah yang digagaskan oleh Shafie Abu Bakar (1996) melalui prinsip-prinsip yang dipilih. Bab ini pengkaji akan memfokuskan kepada bentuk-bentuk kesantunan akhlak.

#### 4.1 Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak Dalam Novel Salju Sakinah Menggunakan Teori Takmilah.

##### 4.1.1 Sabar

Sabar boleh ditakrifkan sebagai usaha untuk bertahan atau mengendalikan diri dalam menghadapi cabaran dan keinginan untuk mencapai matlamat yang lebih baik. Selain itu, sabar juga bermaksud menahan diri

daripada melakukan perkara yang tidak sepatutnya dan menahan diri daripada menyuarakan ketidakpuasan hati secara lisan. Menurut Abdul Aziz Ismail (2011: 47) menyatakan bahawa keutamaan sabar adalah salah satu pembuka jalan bagi mencapai tujuan, memperkuatkan keperibadian, menakut-nakutkan musuh, menghilangkan keberanian musuh dan mengalahkan sifat dengki orang-orang yang dengki. Rentetan daripada itu, sabar boleh tergolong dalam satu perbuatan yang positif untuk mendorong jiwa manusia bagi melaksanakan satu kewajipan. Hal ini dikatakan demikian kerana sabar boleh menghalang seseorang itu daripada melakukan perbuatan jahat dan orang yang sabar juga mampu menerima perkara yang tidak disukai oleh Allah SWT dengan hati terbuka. Sebagai contoh, orang yang sabar mampu menahan marah apabila dihina atau difitnah oleh orang lain. Orang yang memiliki sifat sabar tidak akan membala dengan perbuatan yang tidak baik malah menerima dengan hati yang terbuka. Seseorang yang mempunyai sifat sabar ia akan dapat membentuk akhlak yang baik dalam kehidupan sehari-hari. Kenyataan ini telah disokong oleh Farah Najwa Mohd Nazri & Firuz Akhtar Lubis (2018) menyatakan bahawa sabar merupakan akhlak mahmudah yang paling diutamakan dan ditekankan dalam al-Quran. Melalui novel *Salju Sakinah* ia telah memaparkan sifat sabar yang dimiliki oleh Sumayyah dan Suryani dalam menerima takdir. Bukti:

Telinga Mak Milah ni sendiri dengar Leha buruk-burukkan Mai. Katanya Mai ada hati nak ngorat laki baru dia. Selalu senyum- senyum bila lalu depan rumah dia.

(*Salju Sakinah*, 2010: 353)

Berdasarkan petikan di atas dapat dijelaskan bahawa setiap manusia perlu mempunyai sifat sabar yang luar biasa bagi mengendalikan diri dari mencegah perbuatan yang tidak baik. Sifat sabar yang telah ditonjolkan oleh Sumayyah

ialah menghadapi jirannya yang suka memfitnah dan berkata buruk. Sebagai contoh, Sumayyah mampu mengawal emosinya dengan bertindak secara rasional melalui sifat sabar yang dimilikinya apabila diserang dengan cemuh dan fitnah yang dilemparkan oleh Zaleha. Berikut adalah situasi di mana Sumayyah telah dimaki dan diherdik oleh jirannya yang bernama Zaleha kerana terlalu cemburu dan benci terhadap Sumayyah yang disangka cuba memikat suaminya. Perkara ini telah memberikan impak yang cukup besar dalam kehidupan bermasyarakat kerana ia telah mengakibatkan hubungan sesama manusia menjadi retak. Oleh itu, sifat sabar menjadi tunjang dalam pembentukan akhlak yang baik.

Selain itu, bentuk kesantunan akhlak dalam novel *Salju Sakinah* ini telah digambarkan melalui kisah Suryani yang bersabar dalam menghadapi suaminya yang menuduh dia melakukan perkara yang tidak masuk akal dan melemparkan kata-kata buruk yang tidak boleh diterima oleh seseorang manusia. Keadaan ini dibuktikan dengan ungkapan-ungkapan yang wujud dalam novel *Salju Sakinah* melalui petikan di bawah:

Abang Mior sangat marah. Dia percaya kata Tok Ayah yang akak ini mandul tak boleh mengandung sambil sampai bila-bila. Dia kata akak ada bela jin besar dan pembawa sial. Itu sebab dia ceraikan.

(*Salju Sakinah*, 2010: 326)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Suryani dapat menerima segala takdir dengan tabah dan cekal. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua orang mampu menghadapi ujian hidup seperti Suryani di mana dia telah diherdik dan

dimaki dengan perkataan yang kasar oleh orang yang dia sayangi dan cintai iaitu suaminya sendiri. Sifat sabar yang telah ditunjukkan oleh Suryani dapat dilihat melalui penerimaan cemuh dan tuduhan oleh suaminya dengan hati terbuka. Misalnya, suaminya telah menuduh Suryani mandul kerana disangkakan membela jin dan membawa malapetaka dalam perkahwinannya. Tindakan melulu yang dilakukan oleh suaminya akibat terlalu percaya akan kata-kata fitnah daripada Tok Ayah Mit selaku guru ajaran sesatnya. Peristiwa tersebut telah menyebabkan berlakunya konflik dalam rumah tangga antara Suryani dan suaminya. Dengan keadaan ini, pentingnya sifat sabar dalam hidup seseorang agar dapat mewujudkan hubungan harmoni antara individu dan masyarakat.

Sikap sabar yang ditunjukkan oleh watak Sumayyah dan Suryani selari dengan prinsip kedua yang terdapat dalam Teori Takmilah yang telah dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar (1996) iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Prinsip ini wajar diikuti oleh manusia. Penulis telah menerapkan betapa pentingnya sifat sabar dalam kehidupan manusia bagi menjamin keharmonian hidup. Oleh itu, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil telah mengajak setiap manusia untuk meneladani sifat sabar Rasulullah SAW dalam menghadapi segala situasi.

#### 4.1.2 Amanah

Amanah merupakan satu konsep yang sangat luas dan mendalam. Ianya bukan sekadar menjadi jujur dan adil dalam pelbagai aspek kehidupan manusia tetapi ia juga melibatkan setiap tugas yang mesti dilaksanakan. Sifat amanah ini perlu ada dalam segenap lapisan manusia sama ada pemimpin, masyarakat, ibu bapa, anak-

anak dan individu. Dalam akhlak Islam, amanah adalah salah satu sifat yang mendapat kedudukan tinggi. Islam meminta umatnya untuk menjadi jujur. Sifat ini dianggap paling menarik kerana ia dianggap sebagai titik penentu atau garis pemisah antara tahap keimanan dan keagamaan seseorang individu. Menurut Buhori (2018:4) menyatakan bahawa maksud amanah adalah kepercayaan yang diberikan kepada seseorang sehingga menyebabkan ketenangan hati tanpa kebimbangan. Amanah juga boleh dilihat melalui penerimaan seseorang dalam melakukan tugas atau pekerjaan yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya dengan jujur.

Selain itu, Imam Al-Ghazali menyatakan dalam bukunya iaitu *Ihya' Ulumiddin* (2016: 2) bahawa amanah bermakna perintah Allah yang mesti dilaksanakan oleh setiap hambanya dan amanah harus dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Dari perspektif bahasa pula, maksud amanah adalah bertentangan dengan perkataan Kinayah yang bermaksud pengkhianatan dan tidak jujur kepada sesuatu diamanahkan. Sebagai umat Islam, agama telah meletakkan satu kewajipan kepada setiap individu untuk mengajar kepada semua orang bagi mengekalkan sifat amanah dalam diri mereka sendiri supaya apabila mereka diberikan tugas oleh pihak atasan ia dapat melaksanakannya dengan baik.

Di samping itu, Allah SWT telah memberikan pelbagai bentuk amanah kepada hambanya. Sebagai contoh, dalam konteks keluarga dan ibu bapa telah diberikan tanggungjawab untuk mengasuh, mendidik dan membesarakan anak mereka melalui pendidikan. Oleh itu, bagi menghasilkan generasi yang bertakwa kepada Allah SWT dan berguna kepada masyarakat dan negara. Ibu bapa juga memainkan peranan

penting dalam mendidik anak-anak mereka dengan akidah yang kukuh, ilmu Islam yang mantap dan akhlak yang baik. Menerusi novel *Salju Sakinah* ia telah menampilkan watak seorang gadis bernama Sumayyah yang memikul tanggungjawab besar sebagai anak dan Mahasiswa. Buktinya:

Wajah abah, umi dan dua orang kakaknya tiba-tiba lekas terpapar di ruang mata. Dan dia teramat sedar, ada amanah yang masih terbeban di pundak bahunya yang belum terlaksana. Amanah yang sangat besar dan terpaksa dipikulnya sepanjang permusafirannya ke sini. Amanah keluarga.

(*Salju Sakinah*, 2010: 15)

Menerusi teks yang dinyatakan pada petikan di atas jelas menggambarkan bahawa pentingnya sifat amanah kepada seseorang individu. Sifat amanah ini merupakan satu sifat akhlak yang penting dalam pembentukan manusia. Sebagai contoh, Sumayyah adalah seorang wanita yang beriman dan bertanggungjawab. Dia sangat menghormati perjanjian yang telah dibuat dengan ibu bapanya untuk menamatkan pengajiannya di Jordan. Hal ini membuktikan bahawa Sumayyah seorang anak yang baik kerana menjaga amanah ibu bapanya sebagai seorang mahasiswa di Universiti Yarmouk. Anak-anak wajib berbuat baik kepada kedua ibu bapa kerana ia merupakan salah satu kewajipan yang mesti ditunaikan (Muhd. Najib Abdul Kadir, 2013). Umum mengetahui bahawa menjadi seorang pelajar bukannya sesuatu yang mudah ia harus menghadapi pelbagai rintangan untuk mencapai kejayaan yang diinginkan. Misalnya, dalam menyiapkan tugas dan menghadapi persekitaran yang baru kesemua perkara ini memerlukan ketahanan emosi yang tinggi. Petikan di bawah telah memaparkan watak Sumayyah yang bertanggungjawab dalam mengambil tahu kebijakan para mahasiswa. Buktinya:

Kebajikan adik-adik mesti dijaga meskipun tanggungjawabnya dalam Persatuan sudah dilepaskan.

(*Salju Sakinah*, 2010: 20)

Menerusi teks yang dinyatakan pada petikan di atas, jelas menggambarkan bahawa sifat amanah yang boleh dilihat pada watak Sumayyah apabila dia sanggup menjaga kebajikan para mahasiswi dan mahasiswa meskipun dia tidak lagi memegang jawatan sebagai ketua Persatuan Mahasiswa Malaysia Universiti Yarmouk (PERMAYA). Sumayyah sanggup mencari jalan penyelesaian bagi mahasiswa yang mempunyai masalah rumah sewa. Melalui tindakan Sumayyah ini dapat meringankan beban mahasiswa dalam pencarian rumah sewa. Hal ini dikatakan demikian kerana Sumayyah sentiasa bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan mahasiswi dan mahasiswa kerana mereka jauh dari keluarga mereka. Dengan itu, sifat amanah yang dimiliki dapat menimbulkan kepercayaan dalam setiap perhubungan seperti anggota keluarga, rakan dan masyarakat.

Menerusi Teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar (1996) analisis ini bersesuaian dengan prinsip kerasulan sebagai insan Kamil di mana prinsip ini menggariskan tentang keperibadian Rasulullah SAW yang sangat amanah dan jujur dalam melakukan sesuatu perkara. Prinsip ini dilihat pada sifat amanah yang telah diterapkan dalam diri Sumayyah. Sifat amanah ini sangat penting kerana dengan bersikap amanah seseorang itu akan disukai dan dipercayai oleh orang sekeliling. Rentetan itu, sifat amanah telah memenuhi kriteria prinsip Takmilah iaitu kerasulan sebagai insan Kamil. Hal ini dikatakan demikian kerana amanah adalah satu

tanggungjawab yang diberikan dan perlu dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, sifat amanah yang ditonjolkan mampu menjadikan seseorang itu insan yang berakhhlak mulia.

#### 4.1.3 Bersyukur

Menurut Pruyer et. al. (2003) bersyukur dalam bahasa Inggeris disebut *gratitude*. Perkataan *gratitude* ini telah diambil daripada bahasa Latin iaitu *gratia* yang bermaksud kelembutan, kebaikan hati atau bersyukur. Sikap syukur ini dapat melatih seseorang untuk membendung diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti sompong dan lalai dalam diri mereka. Perbuatan syukur ini dapat dilihat apabila seseorang itu sentiasa menggunakan lisannya untuk mengucapkan kalimah Alhamdulillah tanda syukur atas pemberian daripada Allah SWT. Perbuatan ini secara tidak langsung dapat melatih seseorang untuk membesarkan Allah SWT dalam diri mereka. Selain itu, mengagungkan Allah melalui puji-pujian tentang kebesarannya juga merupakan satu tanda seseorang itu bersyukur. Seterusnya, rasa syukur juga boleh digambarkan melalui hati iaitu mendidik hati untuk sentiasa berserah dan bergantung harap hanya kepada Allah SWT. Kesan daripada perbuatan ini, seseorang itu akan sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan sama ada susah ataupun senang. Keadaan ini boleh dilihat semasa seseorang itu menghadapi ujian yang berat dalam hidupnya. Menurut Dyah et. al. (2018) berpendapat bahawa kebahagiaan berkait rapat dengan rasa syukur. Ini dikatakan kerana orang yang paling bahagia ialah mereka yang sentiasa bersyukur dengan apa yang mereka ada. Seseorang individu boleh menyatakan rasa syukur atas perkara positif yang mereka alami setiap hari. Dapat disimpulkan bahawa sifat bersyukur dapat dizahirkan melalui perbuatan dan perasaan dalam meraikan setiap rezeki yang diterima daripada orang sekeliling dengan sentiasa memanjatkan

kesyukuran kepada Allah SWT. Sifat bersyukur ini boleh dilihat melalui watak Sumayyah dalam novel *Salju Sakinah* yang sentiasa mengucapkan rasa syukur dengan nikmat pemberian Allah SWT kepadanya. Buktinya dapat dilihat pada petikan di bawah:

Sumayyah menunduk semula selepas puas mendongak ke langit. Ucapan tahmid dan syukur tidak putus-putus keluar dari bibirnya semenjak pulang dari berjuang menghadapi kertas akhir subjek Madkhal ila Ilm At-Tarbiyyah semalam.

(*Salju Sakinah*, 2010: 155)

Menerusi teks yang dinyatakan pada petikan di atas, jelas menggambarkan bahawa Sumayyah adalah seorang gadis yang sentiasa bersyukur dengan nikmat yang Allah SWT berikan kepadanya. Dia adalah seorang mahasiswa Malaysia di Universiti Yarmouk, Jordan yang menghadapi pelbagai ujian dan cabaran dalam hidupnya. Buktinya dapat dilihat apabila dia kerap kali mengucapkan tahmid dan syukur kepada Allah selepas dia berjaya menghadapi peperiksaan akhir bagi subjek *Madkhal ila Ilm At-Tarbiyyah*. Perbuatan di atas telah menggambarkan sikap Sumayyah yang sentiasa bersyukur dengan kepayahan yang dihadapinya kerana ia yakin bahawa setiap ujian pasti akan membawa hasil yang indah. Sumayyah adalah contoh seorang wanita yang bersyukur dengan apa yang ada dan tidak mengharapkan lebih daripada yang patut. Oleh itu, setiap manusia perlu mempunyai sifat syukur kerana Allah SWT telah memberikan banyak nikmat yang tidak terhitung.

Sifat syukur ini selari dengan prinsip ketujuh yang terdapat dalam Teori Takmilah yang digagaskan oleh Abu Syafie (1996) iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Prinsip ini menekankan setiap pengkarya sastera Islam harus menulis karya yang dapat mendidik, menginspirasi dan

membimbing khalayak (pembaca) untuk mencapai kesempurnaan sebagai manusia yang beriman, berilmu dan berakhhlak. Sebagai contoh, pengarang telah memaparkan sifat bersyukur melalui watak Sumayyah. Hal ini dikatakan kerana seorang penulis muslim perlu sentiasa menasihati pembacanya melalui karya-karyanya supaya berfikiran positif dan bersyukur kepada Tuhan atas kurniaan-Nya. Dalam Islam, sifat bersyukur adalah sifat yang sangat penting kerana dengan berbuat demikian kita boleh menghargai nikmat yang diberikan oleh Allah kepada kita dan mendapat banyak faedah untuk kesihatan fizikal dan mental kita. Selain itu, bersyukur boleh membantu kita mengelakkan penyakit hati seperti iri, dengki, sompong dan sebagainya. Oleh itu, setiap umat Islam mesti mengingati dan memuji Allah SWT untuk melahirkan rasa bersyukur. Perbuatan ini mendekatkan lagi umat Islam kepada Allah SWT.

#### 1.1.4 Jujur

Jujur boleh ditakrifkan sebagai mengakui, berkata benar atau memberi informasi yang sesuai dengan kebenaran dan fakta. Menurut Fitriah M. Suud (2017:7) menyatakan bahawa kejujuran adalah persamaan antara hati, perkataan dan perbuatan. Sifat jujur ini adalah salah satu sifat mahmudah dalam Islam yang mesti ada dalam setiap orang yang bergelar manusia. Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa sifat jujur adalah perkara penting dalam akhlak Islam. Oleh itu, Islam sentiasa menyeru umatnya supaya berlaku jujur dalam kehidupan kerana kejujuran itu akan membawa kebaikan. Selain itu, sifat jujur juga mencerminkan tahap keimanan yang ada dalam diri seseorang. Kenyataan ini telah disokong oleh Mardiah dan Napratilora (2021) menyatakan bahawa orang yang berakhhlak jujur adalah mulia di sisi Allah SWT yang telah digariskan dalam al-Quran menjelaskan bahawa kejujuran merangkumi sikap

orang yang beriman dan bertaqwa. Sebagai contoh, apabila seseorang itu mempunyai sikap yang jujur orang lain akan melihatnya dengan imej yang baik secara tidak langsung ia juga dapat membantu mewujudkan persekitaran yang baik dan terbuka. Sehubungan dengan itu, seseorang itu perlu bersikap jujur kerana ia banyak memberi manfaat ke atas dirinya dan orang lain. Antara manfaat yang boleh lihat ialah seseorang itu akan mendapatkan cinta dan redha dari Allah SWT serta mampu meningkatkan kepercayaan dan simpati daripada orang lain. Oleh itu, jujur adalah salah satu sikap mulia yang harus dimiliki oleh setiap orang muslim. Hal ini dikatakan kerana sifat ini merupakan bukti dari iman dan taqwa seseorang itu kepada Allah SWT. Melalui sifat jujur ini keadilan dan kebenaran akan dapat ditegakkan di muka bumi ini. Sifat jujur ini telah digambarkan melalui petikan di bawah:

Sumayyah geleng sekali lagi. Dia tidak mahu berbohong dan tidak juga mahu menjelaskan peristiwa memalukan yang berlaku sebentar tadi.

(*Salju Sakinah*, 2010: 3)

Menerusi teks yang dinyatakan pada petikan di atas, jelas menggambarkan bahawa Sumayyah memiliki sifat jujur dalam dirinya. Sifat jujur ini dapat dilihat apabila Sumayyah hanya mendiamkan diri tanpa mengeluarkan kata-kata meskipun soalan itu yang diajukan oleh gurunya. Sumayyah bertindak sedemikian kerana tidak mahu berbohong tentang peristiwa yang memalukan itu. Berbohong adalah satu perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam kerana ia dapat mendatangkan perkara yang negatif dalam hidup seseorang itu. Jika Sumayyah berbohong ia akan menyebabkan kepercayaan orang sekelilingnya semakin berkurang terhadapnya. Natijahnya, sifat jujur adalah satu perilaku terpuji yang perlu ada pada setiap orang bagi mendapat kecintaan Allah serta disenangi oleh orang sekeliling.

Sifat jujur ini boleh dikaitkan dengan prinsip kedua yang terdapat dalam Teori Takmilah yang telah digagaskan oleh Shafie Abu Bakar (1996) iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Prinsip ini telah mengajar seseorang itu untuk mengikuti keperibadian Rasulullah untuk berkata jujur dalam setiap perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana jujur merupakan satu pancaran akhlak yang baik. Sebagai contoh, Rasulullah SAW mempunyai akhlak yang mulia dan jujur dalam bertindak sehingga baginda digelar sebagai *Al-Amin*. Gelaran ini telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW adalah utusan Allah SWT yang menyampaikan wahyu dengan benar. Melalui novel *Salju Sakinah* ianya telah memperlihatkan sifat jujur yang diamalkan dalam diri Sumayyah. Sikap jujur yang ada dalam diri Sumayyah banyak mendatangkan kebaikan dalam kehidupannya. Oleh itu, sifat jujur ini perlu dicontohi dan dipraktikkan oleh semua orang.

#### 4.1.5 Kasih Sayang

Kasih sayang ialah perasaan cinta yang tulus dan berkekalan yang datang daripada hati yang rela terhadap sesuatu. Ini adalah perasaan yang dialami oleh semua makhluk yang diciptakan Allah Taala, termasuk manusia dan haiwan. Menurut Sufi Alawiyah (2023:23), kasih sayang ialah perasaan tulus yang datang dari jiwa tanpa dorongan atau keinginan untuk kepentingan diri sendiri. Kasih sayang adalah penting untuk membina hubungan yang sihat dan meningkatkan kualiti hidup seseorang. Bentuk kasih sayang yang boleh dilihat adalah dengan memahami, memberi perhatian, dan bersikap positif terhadap orang lain. Sebagai contoh, kasih sayang dalam keluarga. Orang tua sangat menyayangi anak-anak mereka dengan penuh perhatian.

Selain itu, kasih sayang antara adik beradik boleh dilihat daripada kasih sayang mereka antara satu sama lain, yang ditunjukkan dengan menyokong dan mengutamakan satu sama lain dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Sifat kasih sayang ini perlu disemai dalam diri setiap orang untuk mencapai keredhaan Allah. Salah satu sifat yang dituntut oleh Islam adalah kasih sayang. Sifat kasih sayang ini juga berfungsi sebagai benteng yang kukuh untuk mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat. Kasih sayang merupakan satu fitrah manusia yang sangat berharga. Ia adalah aktiviti psikologi yang rasional dan logik untuk manusia.

Setiap orang mesti bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengendalikan perhubungan sehingga matlamat kebahagiaan hidup tercapai (Siti Norlina bt Muhamad, 2004). Apabila seseorang mengambil berat tentang orang yang mereka sayangi tanpa mengira kekurangan mereka. Melalui perbuatan ini mereka akan menunjukkan sifat kasih sayang ini antara satu sama lain. Sifat kasih sayang ini adalah sesuatu yang sangat berharga dan indah yang harus mereka hargai dan kongsikan bersama orang-orang yang mereka sayang. Dengan cara menunjukkan rasa syukur, menghargai dan menghormati itulah yang memberi makna terbesar kepada seseorang manusia. Kasih sayang juga merupakan pengikat antara hubungan satu sama lain untuk menghadapi cabaran dan kesukaran hidup. Melalui novel *Salju Sakinah* ia telah menunjukkan kasih sayang antara ibu dan anak serta kasih sayang antara adik-beradik. Buktinya:

Walaupun Piah dah benci umi, tapi umi tetap berdoa siang malam supaya Allah kembalikan anak sulung umi macam dulu.

(Salju Sakinah, 2010 : 333)

Dia gembira. Sungguh riang dengan ketabahan Salbiah lantas memeluknya. Memang itulah yang sangat diharapkannya.

(Salju Sakinah, 2010 : 394)

Menerusi teks yang dinyatakan pada petikan di atas jelas menunjukkan kasih sayang antara Safiah dan ibunya. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun Hajah Saadah mempunyai konflik dengan Safiah dia tetap mendoakan anaknya itu kembali kepada jalan yang benar dan mentaati perintah Allah. Ibu adalah sosok yang paling berharga kepada anak-anak. Tidak ada perkara yang boleh menggantikan kasih sayang seorang ibu. Selain itu, seorang ibu sentiasa mendoakan kebaikan dan keselamatan untuk anaknya walaupun anak itu jauh dari pandangannya atau pun tidak mendengar kata-katanya. Seorang ibu sentiasa mahukan anaknya menjadi orang yang berjaya dan bertakwa kepada Allah. Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017:9) menyokong kenyataan ini bahawa ibu adalah orang yang paling dekat dengan anak-anak mereka. Tanpa seorang ibu mereka bukanlah sesiapa di dunia ini. Dalam pada itu, kasih sayang juga dapat dilihat dalam hubungan adik-beradik. Di mana umumnya diketahui hubungan adik-beradik umpama bagi isi dengan kuku. Hal ini dikatakan demikian kerana sesulit mana pun pergaduhan yang berlaku pasti akan baik kembali. Adik-beradik juga adalah tempat untuk mengadu masalah yang dihadapi dan menjadi penasihat yang terbaik dalam menyelesaikan masalah yang berlaku, peribahasa Melayu ada mengatakan cubit peha kanan, peha kiri terasa juga. Sebagai contoh, Sumayyah gembira melihat kakaknya Salbiah kembali ceria selepas beberapa hari bersedih akibat kematian tunangnya. Jelaslah bahawa, kasih sayang antara keluarga boleh meningkatkan ikatan, kebahagiaan dan kesihatan mental ahli keluarga.

Selain itu, berdasarkan teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar (1997) analisis berkaitan akhlak kasih sayang sesuai dengan prinsip ke tujuh iaitu prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna).

Akhhlak kasih sayang dalam novel ini memberi kesedaran kepada masyarakat akan pentingnya penerapan kasih sayang dalam kehidupan. Kasih sayang antara ibu bapa dan anak adalah yang paling utama dapat dilihat melalui analisis novel ini. Kasih sayang yang wujud dalam diri dapat memberi aura positif di mana seseorang itu akan sentiasa bersangka baik dan dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni serta terhindar dari persengketaan. Kasih sayang Hajah Saadah terhadap anak sulungnya tidak pudar meskipun anaknya itu, telah terpengaruh dengan ajaran sesat. Oleh itu, prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil bersesuaian dengan akhlak kasih sayang. Sehubungan dengan itu, sifat kasih sayang amat penting untuk masyarakat di luar sana bagi menerapkan akhlak yang baik dalam diri untuk sama-sama beroleh kebaikan.

#### 4.2 Kesan-Kesan Kesantunan Akhlak Menggunakan Teori Takmilah

##### 4.2.1 Individu

###### 4.2.1.1 Meningkatkan Keimanan Seseorang Kepada Allah SWT

Konsep keimanan adalah salah satu aspek penting dalam Islam. Keimanan merupakan satu keyakinan atau kepercayaan yang kuat dan tulus seseorang manusia itu kepada Allah SWT. Menurut Abu Hanifah (2021: 6) iman adalah pengetahuan serta pengakuan terhadap Tuhan, tentang berkaitan rasul-Nya dan apa yang datang dari Tuhan dalam keseluruhan dan tidak dalam perincian, di mana tidak ada penambahan dan pengurangan sifat dan tidak ada perbezaan antara manusia dalam hal iman. Keimanan seseorang itu bukan hanya dinilai melalui pengakuan lisan sahaja tetapi ia harus dibuktikan melalui amalan yang

bersesuaian dengan syariat Islam. Keimanan adalah satu bentuk ketakwaan setiap umat Islam kepada Allah SWT. Iman dalam ajaran agama Islam bermaksud yakin dan percaya pada Allah, para nabi dan juga kalam suci Al-Quran. Keimanan yang dimiliki oleh seseorang menjadikan mereka yakin dan percaya bahawa di setiap kesusahan pasti ada khabar gembira yang telah Allah sediakan di kemudian hari. Bukti keimanan seseorang itu dapat dilihat pada petikan di bawah:

Sumayyah tidak ghaflah melafazkan selawat-bekalan penenang hati, penguat semangat. Forum dijadualkan pukul sepuluh suku. Bermakna lima belas minit lagi acara yang cukup mendebarkannya akan berlangsung, Dewan Kuliyah Tarbiyyah yang ditempah pihak PERMAYA sejak sebulan lalu makin karib. Jarang-jarang sekali pihak universiti membenarkan program pelajar diadakan di dewan ini. Biasanya kebanyakan program pelajar Malaysia bertempat di Dewan al- Kindi di Kulliah Lughah atau di Dewan al- Farabi berhampiran pintu gerbang Bab Syamalay.

(*Salju Sakinah*, 2010 : 83)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa tindakan Sumayyah mampu meningkatkan keimanannya kepada Allah SWT melalui ucapan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Sumayyah sentiasa berselawat kepada Nabi Muhammad SAW walaupun apa jua keadaan yang dihadapinya kerana ia menganggap perbuatan ini sebagai penenang hati dan penguat semangat. Hal ini dikatakan demikian kerana berselawat kepada Nabi Muhammad SAW adalah salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT dan dianjurkan oleh kepada orang-orang Islam. Selawat merupakan pujian-pujian kepada Allah SWT dan rasul-Nya yang mengandungi doa dan taufik Allah SWT untuk mengeluarkan hambaNya dari kegelapan dan ke jalan kebenaran. Menurut Yohan Kurniawan et. al. (2020) menyatakan bahawa selawat ke atas Nabi Muhammad juga merupakan sebuah

bentuk doa dan juga memberi satu bentuk penghormatan kepada Nabi Muhammad SAW. Jelaslah bahawa selawat kepada Nabi Muhammad SAW adalah satu perbuatan yang memberi kesan positif kepada kehidupan manusia seperti diampunkan segala dosa-dosa, mendapat pertolongan daripada Allah SWT dan mendapat kasih sayang daripada Allah SWT.

Shafie Abu Bakar (1996) merupakan pengasas Teori Takmilah. Sifat tauhid selari dengan prinsip pertama iaitu keislaman yang bersifat Kamal. Prinsip ini menunjukkan sifat sempurna Allah yang berkaitan dengan Jamal. Pentingnya kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya terhadap Allah S.W.T dalam segala perbuatan. Berdasarkan analisis petikan di atas membuktikan bahawa pengarang telah memaparkan sifat tauhid di dalam karya. Tauhid bermaksud mengesakan Allah melalui ibadah dan meyakini akan keesaan Allah iaitu hanya Allah tempat mengadu dan Allah jualah yang mampu mengabulkan segala permintaan. Sebagai contoh, pengarang menunjukkan watak Sumayyah yang sentiasa mengingati Allah SWT dengan berselawat dalam apa juu keadaan. Oleh itu, berselawat sebagai tanda seseorang itu mencintai Allah SWT dan Rasulullah SAW. Terbuktilah bahawa selawat dan mengingati Allah dan rasul mampu meningkatkan keimanan seseorang terhadap Allah SWT bersesuaian dengan prinsip pertama Teori Takmilah iaitu keislaman yang bersifat Kamal.

#### 4.2.1.2 Melahirkan Individu Yang Bermoral

Moral adalah istilah yang berkaitan dengan perbuatan, tingkah laku atau ucapan seseorang dalam berinteraksi dengan manusia lain. Selain itu, moral menunjukkan nilai yang baik atau buruk sesuatu yang telah diukur berdasarkan

norma atau ajaran yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Menurut Firwan (2017), nilai moral adalah satu penilitian terhadap tingkah laku manusia dari segi tutur kata mahupun sikap baik dan buruk yang sebatی dalam diri seseorang itu. Kehidupan manusia terdiri daripada dua kategori yang berkaitan dengan moral di mana dapat dilihat dari sudut objektif dan juga subjektif. Dari sudut objektif adalah berasal dari masyarakat yang memandang baik buruk seseorang itu manakala dari sudut subjektif pula sikap baik dan buruk itu berasal dalam diri dan terserlah melalui perilaku seseorang dalam kehidupan seharian. Menurut Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan (2023), nilai moral adalah satu bentuk kelakuan manusia yang berasaskan peraturan atau panduan yang mampu memaparkan kebaikan pada diri sendiri dan juga masyarakat. Justeru itu pentingnya penerapan kesantunan akhlak dalam diri agar dapat melahirkan individu yang bermoral. Petikan teks di bawah adalah gambaran satu sikap yang menunjukkan akhlak yang baik iaitu:

Ustazah Samihah bangun lalu Sumayyah mencium tangan dan kedua-dua pipi wanita yang pernah mengajarkan mengenal ilmu tauhid dan fardhu ain sebelum mereka berdakapan erat.

(Salju Sakinah, 2010 : 216)

Petikan di atas menunjukkan sikap Sumayyah yang sopan dapat dilihat apabila dia mencium tangan dan pipi Ustazah Samihah iaitu guru tauhid dan fardu ainnya pada satu ketika dahulu. Ustazah Samihah telah datang ke rumah Sumayyah untuk menziarahi pelajarnya. Kehadiran Ustazah Samihah disambut baik oleh Sumayyah. Sumayyah masih mengingati dan menghormati guru sekolah lamanya walaupun sekian lama telah meninggalkan alam persekolahan. Sikap Sumayyah terhadap Ustazah Samihah telah menggambarkan perbuatan baik yang wajar dicontohi oleh semua orang. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang memiliki nilai

moral yang tinggi akan memaparkan nilai-nilai yang baik melalui tingkah laku yang positif. Oleh itu, sikap yang ditunjukkan oleh Sumayyah telah melambangkan bahawa Sumayyah merupakan seorang individu yang bermoral.

Prinsip Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1996) yang sesuai untuk diaplikasikan dalam huraian analisis ini ialah prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna). Pengkarya telah memberi kesedaran kepada pembaca bahawa pentingnya akhlak atau tingkah laku yang bermoral dalam kehidupan seharian. Pengolahan cerita yang memaparkan sifat-sifat yang baik mampu membuka mata masyarakat agar sentiasa berkelakuan positif tidak kira dimana jua keberadaan seseorang itu. Hal ini dikatakan demikian kerana penceritaan dalam novel ini membawa diri pembaca agar menerapkan sikap bermoral seperti hormat orang yang lebih tua, bercakap menggunakan perkataan yang sopan dan ianya dipupuk ke dalam diri khalayak bersesuaian dengan prinsip Takmilah.

#### 4.2.2 Keluarga

##### 4.2.2.1 Membantu Pembentukan Tingkah Laku Positif Kepada Anak- Anak

Tingkah laku boleh merujuk kepada satu tindakan atau gerak-geri yang ditunjukkan oleh seseorang individu dalam pelbagai situasi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 1693), tingkah laku merujuk kepada perbuatan yang aneh atau tidak sesuai, jenaka, gurauan, dan ragam. Tingkah laku ini boleh dianggap sebagai tindakan secara langsung atau tidak langsung. Pembentukan tingkah laku positif ini perlu didik dalam diri anak-anak dari sejak kecil lagi.

Hal ini kerana ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tingkah laku positif kepada anak-anak. Anak-anak lebih cenderung untuk meniru tingkah laku ibu bapa mereka. Sebagai contoh, ibu bapa perlu menyediakan anak-anak mereka dengan pendidikan agama yang formal untuk membantu mereka mematangkan fikiran dan mengukuhkan akidah mereka. Anak-anak yang mendapatkan pendidikan agama dan moral yang cukup akan melahirkan tingkah laku yang positif seperti mempunyai sahsiah yang mulia, berakhlaq dan bertanggungjawab.

Selain itu, tingkah laku yang baik atau positif ini akan dihargai dan disayangi oleh orang di sekeliling. Ibu bapa menjadi tunjang dalam pembentukan positif anak-anak sekaligus juga mencerminkan air muka mereka. Kenyataan ini disokong oleh Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi (2004: 1) menjelaskan bahawa anak-anak merupakan kurniaan yang tidak ternilai yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada setiap ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab membentuk setiap gerak geri anak-anak. Amalan, gaya hidup dan peraturan yang diikuti oleh keluarga dan masyarakat akan dicurahkan kepada anak-anak sebagai panduan hidup dan masa hadapan. Sehubungan dengan itu, ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak. Kanak-kanak mempunyai personaliti yang baik dan keyakinan diri yang kukuh kerana ikatan dan kawalan ibu bapa. Apabila anak-anak mereka mengamalkan tingkah laku positif ini akan mewujudkan rasa hormat kepada orang yang lebih tua dan menjadi orang yang bertanggungjawab. Novel ini telah memaparkan tingkah laku positif melalui watak Sumayyah. Bukti nyata:

Umi yang ghalibnya menghabiskan waktu maghrib di atas sejadah di dalam kamarnya datang mendapatkan Sumayyah di ruang tamu. Meminta Sumayyah meneliti bacaannya-terutama berkaitan tajwid. Lalu suara penyampai berita jelita sengaja dibisukan demi menghormati ayat-ayat suci al-Quran yang diperdengar oleh umi di sisi kanannya. Sebelum ini arwah abah yang selalu cek bacaan umi. Yalah, adatnya bila dah tua ni, kita mungkin tersalah baca, tak kena makhradj sebutan dan sebagainya atau terlanggar hukum tajwid.

(*Salju Sakinah*, 2010: 223 )

Berdasarkan petikan di atas jelas menggambarkan Sumayyah mempunyai kemahiran dan kefahaman yang tinggi dalam bacaan Al-Quran. Hal ini dibuktikan kerana umi meminta Sumayyah untuk mendengarkan alunan Al-Quran yang dibacanya. Tujuannya supaya bacaan tajwidnya betul dan tepat jika salah Sumayyah dapat menegur bacaannya. Ketika abah Sumayyah masih hidup dia adalah yang sering kali mendengar bacaan Al-Quran yang dibaca oleh umi malahan Sumayyah juga turut mendapat bimbingan bacaan Al-Quran dari abahnya. Oleh itu, memandangkan umi sudah meningkat usia maka Sumayyah adalah sebagai pengganti suaminya. Ilmu yang diajari daripada kecil telah dipraktikkan dalam diri Sumayyah dan menjadikan dia sebagai wanita yang hebat dalam ilmu agama.

Berdasarkan analisis di atas sesuai dikaitkan dengan prinsip Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar (1997) iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal. Prinsip ini menekankan aspek agama Islam yang bersifat sempurna. Pembentukan tingkah laku ini selari dengan prinsip ketiga. Prinsip ini menggariskan adanya peraturan dalam Islam yang wajar dipatuhi seperti seseorang Muslim seharusnya mempelajari dan mendalami ilmu agama. Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sesuatu ilmu dalam kehidupan. Prinsip ini sangat bersesuaian dengan pembentukan tingkah laku positif kepada anak-anak kerana

pendidikan dari kecil amat dituntut dalam agama Islam. Oleh itu novel bersifat Islamik perlu dikaji dan diberi perhatian agar beroleh manfaat kepada diri pembaca serta memupuk tindakan yang positif.

#### 4.2.3 Masyarakat

##### 4.2.3.1 Mengeratkan Silaturahim Antara Insan

Silaturahim adalah istilah yang berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ikatan kasih sayang yang menghubungkan atau mengeratkan hubungan kekeluargaan atau persaudaraan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 1493), silaturahim merujuk kepada hubungan persaudaraan. Silaturahim bermaksud menyambungkan atau menghimpun kasih sayang antara sesama manusia terutama muslim. Kenyataan ini telah disokong oleh Siti Fatimah (2017: 9) menegaskan bahawa silaturahim adalah kasih sayang dan rasa rahmat. Hubungan silaturahim ini perlu dibina dan dipraktikkan oleh setiap individu dan komuniti masyarakat agar hubungan menjadi akrab. Selain itu, sesebuah institusi keluarga perlu membangunkan hubungan silaturahim ini untuk mewujudkan keharmonian dan permuafakatan. Pepatah Melayu ada menyebut "bagai aur dengan tebing", yang biasanya digunakan untuk menggambarkan hubungan yang akrab. Silaturahim adalah salah satu ajaran Islam yang sangat dianjurkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Hal ini dikatakan demikian kerana menjaga silaturahim adalah salah satu tanda kesempurnaan iman dalam diri seorang muslim. Ikatan silaturahim ini dijadikan sebagai perumpaan kepada sebuah bagunan yang saling menyokong antara satu sama lain bagi memastikan kekuatan sesebuah bangunan itu terus dipelihara. Silaturahim telah

merangkumi sikap saling mencintai, menghormati dan menyayangi antara satu sama lain. Cara-cara untuk mengeratkan silaturahim dengan berbuat kebaikan kepada manusia seperti tolong-menolong, berlemah lembut, memberi nasihat dan menunjukkan kasih sayang. Hal ini telah dibuktikan melalui gambaran kehidupan bermasyarakat dalam novel *Salju Sakinah*:

Sejak musim peperiksaan hampir bermula, dia agak kerap berziarah terutama ke rumah pelajar-pelajar junior dan pelajar perubatan Universiti Sains & Teknologi Jordan. Kerana itulah amalan yang banyak membenihkan ukhwah dan mengeratkan silaturahimnya dengan mereka selama ini. Itulah amalan yang amat ditekankan oleh Kak Syarifah Halizah semasa dia tahun satu dulu.

(*Salju Sakinah*, 2010: 162)

Berdasarkan contoh petikan di atas, pengarang telah membawa komponen penting untuk mewujudkan hubungan yang sihat dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui watak Sumayyah. Sumayyah telah menziarahi rumah pelajar-pelajar junior dan pelajar perubatan Universiti Sains & Teknologi Jordan sebelum menghadapi peperiksaan. Hal tersebut bukanlah sesuatu yang baharu dilakukan oleh Sumayyah tetapi sifat kasih sayang dan ukhwah yang telah lama terjalin bersama mereka membuatkan Sumayyah sentiasa mengunjungi ke rumah pelajar junior. Budaya ziarah ini merupakan salah satu cara untuk mengeratkan silaturahim antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam sangat menggalakkan umatnya untuk saling mengasihi kerana jika seorang muslim tidak menyayangi sesama muslim maka tidak sempurna imannya. Islam juga telah menekankan kepentingan hubungan persaudaraan dan menyarankan agar semua orang memahami antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, warna kulit, kasta atau asal usul. Setiap orang perlu menghidupkan budaya ziarah supaya hubungan yang dijalin akan lebih erat.

Shafie Abu Bakar (1996) telah mengilhamkan prinsip teori Takmilah. Analisis ini bersesuaian dengan prinsip kerasulan sebagai insan Kamil di mana prinsip ini menggariskan tentang keperibadian Rasulullah S.A.W. yang memiliki peribadi mulia. Pengarang telah memasukkan unsur akhlak Rasulullah dalam diri watak utama. Sebagai contoh, Sumayyah telah menerapkan salah satu perbuatan yang telah dituntut oleh Islam dan diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri ketika menjadi pemerintah tertinggi dahulu iaitu sikap mengikat tali persaudaraan antara sesama orang Islam. Sumayyah sering kali melawat rumah junior agar hubungan terus terjalin dan mesra. Jelaslah bahawa menjaga hubungan silaturahim merupakan salah satu perkara yang sangat dituntut dalam Islam sekaligus perbuatan ini mendapat kasih sayang daripada Allah SWT.

#### 4.2.4 Negara

##### 4.2.4.1 Menjamin Generasi Dan Kepimpinan Negara

Menjamin generasi dan kepimpinan negara adalah salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Generasi ialah sekumpulan orang yang dilahirkan dalam tempoh masa tertentu dengan ciri, pengalaman, atau nilai yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2015:457), sekumpulan individu yang dilahirkan pada masa yang sama. Selain itu, kepimpinan adalah kemampuan untuk memimpin, mengurus organisasi sebuah negara dan menggerakkan orang lain untuk mencapai tujuan bersama. Kenyataan ini disokong oleh Sara Beden (2019: 40) yang berpendapat bahawa kepimpinan bermaksud kebolehan orang yang dilantik sebagai pemimpin untuk memimpin dan memerintah

orang yang memilihnya dalam sesebuah organisasi sama ada besar atau kecil atau berkebolehan. Kepimpinan yang baik dan menepati ciri-ciri pemimpin seperti amanah dan tanggungjawab akan melahirkan generasi yang mampu mengurus organisasi besar dalam sesebuah negara. Menjamin generasi dan kepimpinan negara bermakna memastikan generasi sekarang dan akan datang mendapat akses kepada semua keperluan asas yang mereka perlukan seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan, perumahan, dan sebagainya. Selain itu, ia juga bermakna memastikan generasi muda dapat memikul tanggungjawab kerakyatan, menyumbang kepada sosioekonomi masyarakat, dan menegakkan kebenaran dan keadilan. Ini dikatakan kerana generasi muda perlu diberikan peluang untuk menunjukkan bakat, kreativiti, dan inovasi dalam mencari pemimpin yang berwawasan. Sikap kepimpinan Sumayyah dapat dibuktikan pada petikan di bawah:

Sumayyah merasa dirinya tidak berupaya berpaling lagi. Dia harus sama-sama berganding bahu dan terjun ke medan dakwah. Sedikit ilmu, bakat dan masa yang Allah beri akan disumbangkan untuk Islam. Mudah-mudahan sentiasa beroleh reda-Nya.

(*Salju Sakinah*, 2010: 288)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menggambarkan Sumayyah mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan dengan keagamaan. Hasil pembelajarannya selama ini dalam bidang Fiqah menjadikan Sumayyah mempunyai satu tekad untuk sama-sama berganding bahu dalam menyampaikan dakwah. Sumayyah ingin berkongsi ilmu dan bakat yang dikurniakan Allah kepadanya untuk agama Islam dan masyarakat di kampungnya. Dia juga berharap agar perbuatan ini mendapat keredhaan dari Allah SAW. Oleh itu, melalui ilmu pengetahuan yang yang disumbangkan oleh Sumayyah mampu melahirkan generasi yang berpengetahuan luas dalam agama.

Prinsip Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1996) yang sesuai untuk diaplikasikan dalam huraian analisis ini ialah prinsip ke dua iaitu kerasulan sebagai insan Kamil. Menjamin generasi dan kepimpinan negara sesuai dengan prinsip tersebut. Berdasarkan analisis petikan di atas membuktikan bahawa pengarang telah memaparkan sifat kepimpinan menerusi watak Sumayyah di dalam karya. Insan Kamil yang ada pada Rasulullah SAW telah membuktikan baginda seorang pemimpin dan juga pentadbir yang adil dan saksama sepanjang kehidupannya. Oleh itu, pengarang telah menerapkan kepimpinan pada Sumayyah yang menunjukkan bahawa sebagai makhluk ciptaan Allah seseorang itu memerlukan pimpinan dan juga dorongan dalam kehidupan menuju jalan yang benar iaitu jalan yang direhdai Allah. Justeru itu, umat Islam yang mempunyai kebolehan dalam ilmu-ilmu agama haruslah meneruskan dakwah mereka dengan menyebarkan ilmu itu dengan pelbagai cara agar penyampaian dapat diterima baik oleh masyarakat sekeliling. Terbuktilah bahawa dakwah yang disampaikan mampu membentuk akhlak yang baik dalam diri manusia dan bertambah yakin akan kewujudan Allah, sesuai dengan prinsip kedua teori Takmilah iaitu kerasulan Sebagai insan Kamil.

UNIVERSITI  
Negeri  
SULTAN  
MAHLUM  
KELANTAN

#### 4.3 Penutup

Secara kesimpulannya, bab ini telah mengenal pasti bentuk-bentuk kesantunan akhlak dan menganalisis kesan-kesan kesantunan akhlak menggunakan Teori Takmilah. Kesantunan akhlak berpunca daripada pelbagai sudut didikan persekitaran iaitu keluarga, masyarakat, rakan dan sebaginya. Justeru itu, dapat dilihat cara didikan keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk akhlak yang baik. Pembentukan akhlak yang baik dapat memberi impak yang positif kepada individu, keluarga, masyarakat, dan negara. Didikan agama yang mantap dari orang sekeliling terutamanya keluarga akan membentuk sifat mahmudah seperti sabar, bersyukur dan lain-lain. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesantunan akhlak bukan sahaja meliputi kepada sesuatu amalan yang baik namun ia juga terdiri daripada tingkah laku individu yang diterapkan dalam dirinya.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara ringkas segala perbincangan serta merumuskan kesimpulan secara keseluruhan mengenai kajian di dalam bab-bab sebelumnya. Kesimpulan merupakan satu pernyataan yang mengandungi makna dan pembicaraan serta gagasan utama dalam sesebuah jawapan ilmiah. Seterusnya, pengkaji menggemarkan beberapa cadangan yang wajar diutarakan oleh pengkaji.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar banyak menunjukkan Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak yang baik yang boleh dicontohi oleh masyarakat dan novel *Salju Sakinah* ini juga telah menerapkan unsur keagamaan yang dapat memberi nasihat serta pengajaran kepada masyarakat. Hasil daripada kajian ini dapat dijelaskan bahawa kajian ini mempunyai kepentingnya tersendiri. Antara kepentingan kajian ini ialah merungkaikan betapa pentingnya mengamalkan perbuatan yang baik dalam diri seorang manusia itu. Di dalam kajian ini, pengkaji telah memuatkan beberapa contoh bentuk kesantunan akhlak yang telah diterapkan dalam novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar. Hal ini dapat dilihat

bahawa bentuk-bentuk kesantunan akhlak ini telah ditunjukkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah*.

Pengarang juga menekankan bentuk-bentuk akhlak yang baik dalam menghasilkan karya. Unsur agama dan perilaku yang baik telah diterapkan melalui watak-watak menjadi tunjang kepada penghasilan karya ini. Hal ini kerana kebanyakan karya yang dihasilkan oleh beliau mempunyai unsur nasihat yang berkaitan dengan akhirat serta mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi. Seperti yang kita tahu, karya Zaid Akhtar adalah sebuah karya yang banyak menerapkan unsur keagamaan di dalamnya. Generasi muda pada masa kini semakin kurang berminat untuk mengkaji serta mendalami karya-karya berkaitan unsur keagamaan sebegini. Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini dapat dijadikan sebagai rujukan ilmiah serta panduan oleh pengkaji seterusnya dalam mengkaji karya yang berbentuk keagamaan. Penggunaan bahasa yang mendalam serta berlapik ini jelas menunjukkan bahawa kebijaksanaan pengarang dalam berkarya. Baris-baris setiap perenggan yang disampaikan oleh pengarang indah serta menarik pembaca untuk membaca. Pengarang menggunakan Bahasa Arab dalam karyanya. Hal ini kerana pengarang mempunyai pengalaman belajar di Universiti Yarmouk, Mesir dan fasih berbahasa Arab. Melalui karyanya, dapat dilihat bahawa pengarang cuba menyampaikan nasihat yang mendalam ke pembaca dengan menggunakan kata-kata yang berlapik dan tidak terlalu berterus-terang.

Seterusnya, Pengkaji telah menjawab objektif pertama kajian ini dengan mengenal pasti Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak menerusi novel *Salju Sakinah* iaitu dari segi definisi, huraian berserta contoh. Pengkaji juga mengangkat beberapa pendapat tokoh sastera yang terkenal pada masa dahulu di dalam kajiannya untuk memperkuuhkan lagi

analisis tersebut. Pengkaji juga turut memuatkan contoh bentuk-bentuk kesantunan yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah*. Objektif yang kedua pula, pengkaji Menganalisis Kesan-Kesan Kesantunan Akhlak Menggunakan Teori Takmilah. Selain daripada menerapkan akhlak yang baik juga pengarang boleh melihat kepada kesan-kesan apabila seseorang itu mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan.

Melalui bab tiga dapat disimpulkan bahawa pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai asas kepada proses pengumpulan data untuk menganalisis data yang diperoleh daripada novel *Salju Sakinah*. Reka bentuk kajian adalah penting kerana ia merupakan salah satu cara untuk menjalankan kajian dan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab segala persoalan dan objektif. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pengumpulan data, kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah Internet. Selain itu, pengkaji juga menggunakan Teori Takmilah sebagai landasan utama untuk mengeluarkan bentuk-bentuk kesantunan akhlak dan kesan-kesan bentuk-bentuk kesantunan akhlak dalam novel *Salju Sakinah*. Teori Takmilah yang diperkenalkan Shafie Abu Bakar (1996) berlandaskan kepada tauhid. Teori ini sesuai diaplikasi dalam karya Zaid Akhtar kerana mempunyai unsur keagamaan dan kerohanian.

Sehubungan dengan itu, kajian ini juga dapat mengangkat novel *Salju Sakinah* sebagai salah satu kajian Tesis. Perkara ini kerana melalui kajian ini dapat membuka mata serta menarik minat pengkaji seterusnya mengenali novel ini dengan lebih mendalam. Novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar akan dikenali oleh penulis-penulis muda dan angkat diangkat karyanya sebagai kajian baru.

## 5.2 Cadangan

Melalui subtopik cadangan kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji. Terdapat banyak kepentingan yang dapat dilihat dalam kajian menerusi pelbagai aspek iaitu individu, masyarakat dan negara. Kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam membincangkan Bentuk-Bentuk Kesantunan Akhlak Menggunakan Teori Takmilah dan Kesan-Kesan Mengamalkan Bentuk-Bentuk Kesantunan dalam diri seseorang manusia.

### 5.1.2 Individu

Antara cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah pengkaji seterusnya boleh melihat atau mengkaji dengan lebih terperinci terhadap perbezaan antara karya Zaid Akhtar dengan karya penulis lain. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji seterusnya boleh membuat perbandingan tentang sejauh mana pengarang dapat menonjolkan tingkah laku yang baik melalui watak-watak dalam karya mereka untuk memberi pengajaran kepada masyarakat ? Sebagai contoh, Zaid Akhtar telah mengangkat elemen kesantunan akhlak dalam novelnya dibandingkan dengan penulis lain seperti Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Dato' Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan Dato' Usman Awang yang telah ditunjukkan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan membantu generasi akan datang dalam memahami betapa pentingnya novel yang berunsurkan agama untuk memberi nasihat dan pengajaran kepada pembaca.

Selain itu, kajian ini boleh diguna pakai oleh pengkaji akan datang sebagai rujukan dalam usaha meningkatkan lagi kualiti kajian berkaitan dengan kesantunan akhlak ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini boleh menjadi sumber-sumber hujahan dan pendapat yang lebih sahih untuk membantu para pengkaji baru dalam menghasilkan penulisan yang baik dan sempurna. Dengan menggunakan rujukan yang sesuai, pengkaji dapat menunjukkan bahawa kajian mereka bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang sebenar. Oleh itu, para pengkaji memerlukan rujukan berkaitan kajian kesantunan akhlak kerana ia dapat memberikan manfaat kepada pengkaji dan pembaca untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan mengenai topik yang mereka ingin kaji.

Selain itu, kajian ini boleh diguna pakai oleh pengkaji akan datang sebagai rujukan dalam usaha meningkatkan lagi kualiti kajian berkaitan dengan kesantunan akhlak ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini boleh menjadi sumber-sumber hujahan dan pendapat yang lebih sahih untuk membantu para pengkaji baru dalam menghasilkan penulisan yang baik dan sempurna. Dengan menggunakan rujukan yang sesuai, pengkaji dapat menunjukkan bahawa kajian mereka bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang sebenar. Oleh itu, para pengkaji memerlukan rujukan berkaitan kajian kesantunan akhlak kerana ia dapat memberikan manfaat kepada pengkaji dan pembaca untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan mengenai topik yang mereka ingin kaji.

Akhir sekali, pengkaji akan datang boleh mengkaji aspek ketidaksantunan akhlak dalam novel ini. Kajian ini lebih memfokuskan kepada bentuk-bentuk kesantunan akhlak seperti sabar, bersyukur, amanah, jujur dan kasih sayang. Sebagai contohnya, pengkaji seterusnya boleh mengkaji aspek ketidaksantunan akhlak yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah*. Oleh hal yang demikian kajian ini akan terus berkembang dari masa ke masa dan dapat mendedahkan betapa pentingnya aspek akhlak dalam kehidupan seseorang manusia.

### 5.2.2 Masyarakat

Antara beberapa cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji adalah setiap sekolah diwajibkan menyediakan novel-novel yang mengandungi nilai-nilai murni yang sesuai dengan ajaran Islam dan budaya masyarakat di perpustakaan. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui pembacaan novel-novel berunsurkan agama ini iaanya mampu membentuk sahsiah pelajar. Sahsiah pelajar perlu dibentuk sejak di bangku sekolah lagi agar nilai-nilai moral dan agama dapat diterapkan dalam diri mereka serta dapat mengamalkan nilai-nilai tersebut sehingga ke akhir hayat. Dengan demikian, sistem pendidikan boleh mengangkat kajian berkaitan kesantunan akhlak dalam novel dengan cara memilih, menggunakan, dan menganalisis novel yang sesuai dengan nilai-nilai akhlak yang dikehendaki. Novel dapat menjadi media yang efektif dan efisien untuk mendidik akhlak dan moral kepada pembaca atau pelajar. Oleh itu, novel juga dapat menjadi media yang kreatif dan inovatif untuk mengembangkan kajian berkaitan kesantunan akhlak dalam bidang sastera dan pendidikan.

Selain itu, cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji adalah penggunaan media sosial. Media sosial adalah salah satu sumber maklumat dan komunikasi yang popular dan mudah diakses oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial merupakan penyumbang kepada kejayaan novel-novel sastera. Penggunaan media sosial amat penting kepada penulis dan penerbit untuk mempromosikan karya-karya mereka. Sebagai contoh, penulis dan penerbit boleh menggunakan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram, di mana mereka boleh berkongsi pengalaman, inspirasi dan maklumat berkaitan dengan novel mereka. Media sosial juga merupakan satu medium yang dapat menyebarkan nilai-nilai dan mesej yang terkandung dalam novel-novel sastera seperti cinta, dakwah, ketabahan, kesetiaan dan keadilan. Oleh itu, karya-karya sastera tidak hanya menjadi sebuah karya sastera hiburan semata-mata tetapi ia juga mampu menjadi sebuah karya dakwah yang boleh menginspirasi dan memberi manfaat kepada pembaca.

Di samping itu, cadangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji adalah mengadakan program-program yang dapat meningkatkan kesedaran dan kepekaan masyarakat terhadap isu-isu akhlak. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menganjurkan program-program sebegini ianya mampu memberikan segala maklumat dan pengetahuan penting berkaitan dengan akhlak kepada masyarakat. Masyarakat akan lebih memahami, menghargai dan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, menganjurkan program berkaitan pendidikan moral. Program ini bertujuan untuk membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, dengan penganjuran

program-program tersebut secara tidak langsung merapatkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Mewujudkan perpustakaan desa juga merupakan salah satu cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji. Perpustakaan desa adalah salah satu sarana untuk meningkatkan pengetahuan dan kemampuan membaca masyarakat desa. Dengan membaca, masyarakat dapat memperluaskan wawasan, mengembangkan kreativiti dan menanamkan nilai-nilai positif. Kesantunan akhlak adalah salah satu nilai yang dapat dipelajari dari membaca buku-buku yang berkualiti. Buku-buku yang berisi tentang ajaran agama, moral dan etika dapat membentuk keperibadian yang baik kepada pembaca. Oleh itu, perpustakaan desa dapat menyumbang kepada pembentukan akhlak yang baik dan mulia bagi masyarakat desa dengan menyediakan bahan bacaan dan program yang sesuai dengan nilai-nilai Islam dan budaya setempat.

### 5.2.3 Negara

Menyediakan tempat khas untuk karya sastera yang tidak terkenal. Kerajaan perlu cakna terhadap karya sastera yang berkualiti tetapi tidak menjadi tumpuan para pembaca terutamanya karya sastera yang berunsur keagamaan. Antara kaedah yang boleh dilaksanakan ialah kerajaan dan pihak yang terlibat perlu bekerjasama mengadakan program pembacaan di setiap daerah iaitu dengan menyediakan novel tersebut dan diagih untuk pembacaan tidak kurang lima minit. Kerajaan juga seharusnya menyediakan perpustakaan bergerak sebagai wadah untuk menarik minat membaca. Di dalam perpustakaan tersebut diletakkan buku-

buku yang tidak terkenal namun mempunyai isi dalaman yang berguna. Kaedah tersebut dapat menarik minat masyarakat untuk mula berjinak dengan dunia pembacaan yang mana selama ini lebih tertumpu pada gajet semata-mata.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 5.3 Penutup

Sebagai rumusan untuk kajian ini, jelas menunjukkan bahawa novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar ini banyak menonjolkan berkaitan kesantunan akhlak menerusi pemaparan jalan penceritaan. Novel ini juga merangkumi penggunaan bahasa yang indah dari segi pengolahan ayat dan penulisan yang mudah difahami. Gambaran ini membuktikan bahawa agama Islam amat mementingkan akhlak yang baik dalam diri seseorang individu. Kesantunan akhlak jelas tergambar pada watak utama bahkan juga pada watak sampingan. Sifat atau tingkah laku yang baik digambarkan melalui watak tersebut menjadikan pembacaan ini mampu mendidik masyarakat untuk berakhhlak mulia. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap agar kajian mengenai kesantunan akhlak dapat diterima baik oleh masyarakat sekeliling. Justeru itu, teks-teks sebegini mestilah menarik kepada khalayak untuk menyampaikan dan meluahkan idea kepada pembaca tentang keistimewaan agama Islam di dunia ini. Jelaslah penulis masa kini harus berusaha untuk mencipta karya cemerlang yang akan mengangkat martabat Islam ke arah kedudukan yang lebih gemilang untuk generasi akan datang.

## RUJUKAN

- Ahmad, Z., Wahid, A., & Ali, A. H. (2022). Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Mereka yang Tertewas. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 10(2), 15-34.
- Ahmad, S. S. S., Saludin, M. R., & Ayob, A. (2019). Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu analisis kepimpinan Islam. *International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED)*, 4(17), 20-30.
- Alade, S. (2020). Pertentangan Hukum Adat Dan Hukum Islam Di Minangkabau Dalam Novel Mencari Cinta Yang Hilang Karya Abdulkarim Khairatullah (Tinjauan Sosiologi Sastra). *Jambura Journal of Linguistics and Literature*, 1(1).
- Anshari, L. (2018). Analisis Unsur Sejarah Islam dalam Novel Khadijah: Ketika Rahasia Mim Tersingkap Karya Sibel Eraslan. *Master Bahasa*, 6(1), 19-29.
- Apandi, S. N. A. M., Junaidi, R., Zul, Z., Hussin, E. M., Saari, F. A., Jabar, N. A., ... & Sulaiman, N. (2022). Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As- Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah: The Potrayal of Moral Types Through As-Salam Poetry Based on The Works of Suhaimi Haji Muhammad using Takmilah Theory. *PENDETA*, 13(1), 47-57.
- Beden, S., & Sawek, R. W. M. Y. (2020). Prinsip-Prinsip Takmilah: Manifestasinya dalam Buntat Mengembara ke Makkah. In 7th INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC EDUCATION 2020 (ICIED 2020) (p. 286).
- Bakar, A. I. A. (2018). Strategi Rasulullah SAW dalam mengukuhkan kestabilan negara. *Journal of Ma alim Al-Qur an Wa Al-Sunnah*.
- Bin Mohamad, M. N. A. H., & bin Che Yaacob, M. F. (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: satu penelitian Takmilah: human value in folktales: an observation on takmilah. *pendeta*, 12(1), 11-25.
- Bolhassan, N. (2023). Bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby dalam pembinaan jati diri Melayu berdasarkan warkah terakhir: Rosli Dhoby's language and thoughts in the construction of Malay identity according to Warkah Terakhir. *PENDETA*, 14(1), 65-73.

- Firwan, M. (2017). Nilai Moral Dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasrey Basral. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 2(2), 49-60.
- Halim, U. I. A. S. A., & Mu'adzam Shah UniSHAMS, K. (2019). Rawatan infertiliti patuh Maqasid Shariah dalam novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain berdasarkan Teori Takmilah.
- Hamzah, A. Z., & Ya, C. A. C. (2019). Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia Dan Khalifah Di Bumi Allah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Hamad, A. M. B., Kamarazman, N. F. B., & Hassan, S. N. B. S. (2023). Konsep ukhuwah Islamiyah dan kepentingannya kepada umat berdasarkan Al- Quran.
- Ibrahim, N., & Shah, F. A. (2019). Penerapan Unsur Islam Dalam Penulisan Naskhah Manuskrip Melayu.
- Ismantoro, F. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel Sang Pangeran dan Janissary Terakhir Karya Salim A. Fillah (Doctoral dissertation, Skripsi, Universitas Muhammadiyah Magelang).
- Jamaluddin, Z., & Kiprawi, I. (2004). Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Panerapan nilai murni dalam cerita rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: satu penelitian Takmilah: human value in folktales: an observation on takmilah. pendeta, 12(1), 11-25.
- Rahmadania, S., Sitika, A. J., & Darmayanti, A. (2021). Peran pendidikan agama Islam dalam keluarga dan masyarakat. Edumaspul: *Jurnal Pendidikan*, 5(2), 221-222.
- Rizal Ilham Ramadhan, Santi Lisnawati dan Salati Asmahasanah (2022). Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan. Koloni, 1(3), 162- 168.

Sarji, K. E. M., & Kamarudin, K. (2017). Nilai Islam dalam teks MISA Melayu. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 5(1), 101-125.

Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah dan Ratna Roshida Ab Razak (2019). Sifat malu dalam kerangka akhlak Melayu. Jurnal Hadhari, 11(2), 231-244.

